



**KOPERASI
TENTERA**



MENDIGITALISASI CITA-CITA



Rasional Kulit Hadapan

Sejak 60 tahun yang lalu, Koperasi Tentera telah meningkatkan kecekapan operasi dan standard perkhidmatan secara konsisten untuk menjadi peneraju dalam gerakan koperasi. Kini, KT telah menerapkan teknologi baharu untuk memberi keselesaan kepada semua anggota. Bergerak seiring dengan perkembangan semasa dalam operasi digital yang kian mencabar, Koperasi Tentera akan terus memacu inisiatif digitalisasi untuk membangunkan satu eko-sistem yang mampan bagi gerakan koperasi. Proses digitalisasi ini akan membantu mewujudkan peluang untuk pertumbuhan dan nilai yang lebih besar untuk semua anggota di samping memenuhi cita-cita KT untuk menjadi sebuah Bank Digital menjelang 2030.

Visi

MENJADI KOPERASI YANG TERUNGGUL DARI PERSPEKTIF KETERAMPILAN IDENTITI, KELUHURAN INTEGRITI DAN KETINGGIAN TAHAP KOMPETENSI.

Misi


MENJANA PENINGKATAN TARAF SOSIO EKONOMI DAN KEBAJIKAN ANGGOTA DENGAN MEMBERI PERKHIDMATAN DAN PULANGAN YANG BERKUALITI DAN KOMPETITIF SECARA KONSISTEN.


MENCAPAI TAHAP PROFESIONALISME DAN KREDIBILITI YANG TINGGI SERTA TERKEHADAPAN DALAM PERGERAKAN KOPERASI.

Pusat Perkhidmatan Pelanggan Koperasi Tentera
1-300-8000-58

Sila imbas kod QR untuk maklumat lebih lanjut.

www.katmb.com.my





“ Kami akan terus berusaha untuk memastikan tadbir urus yang terbaik dan berintegriti dalam barisan kami untuk terus menjunjung kepercayaan anggota kepada kami ”

“ Kita jangan bataskan diri kita kerana laluan hari ini tidak sama dengan apa yang kita lalui semalam serta apa yang bakal kita tempoh esok apatah lagi tahun-tahun mendatang ”


Isi Kandungan

- 04** Detik Bersejarah
- 07** Notis Mesyuarat Agung
- 09** Maklumat Korporat – Alamat syarikat, nama juruaudit, bank prinsipal, gambar MENHAN, PAT, PTD, PTL & PTU
- 14** Sorotan Kewangan 5-Tahun
- 15** Anggota Lembaga – Profil & Gambar
- 20** Pengurusan Koperasi – Profil & Gambar
- 23** Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) – Gambar
- 26** Kenyataan Pengerusi
- 32** Laporan Ketua Pegawai Eksekutif
- 43** Penyata Kewangan Berkanun
- 150** Perbelanjaan Anggota Lembaga bagi tahun 2019
- 151** Lokasi Cawangan Koperasi Tentera
- 154** Lokasi Ar-Rahnu Koperasi Tentera

KOPERASI
TENTERA

KEKUATAN MELALUI INOVASI

Koperasi Tentera memberi tumpuan dalam pengukuhan daya saing dan ketahanan melalui penghasilan produk dan perkhidmatan yang berinovatif. Selain itu, KT mara ke hadapan meneroka pasaran baharu dengan mengoptimumkan aplikasi digital untuk meningkatkan kecekapan kewangan dan pengurusan sumber.



Imbas kod QR untuk layari laman
sesawang rasmi Koperasi Tentera



KOPERASI SENTERA
INFORMATION GALLERY
AL DOCUMENTS PREPARED IN 201



SIMULATE YOUR FINANCING

Receive a personalized financing plan through our interactive financing simulator

How much would you like to borrow?

RM50,000
RM100,000
RM200,000

Over how many months?

6 months
12 months
18 months
24 months

Estimated monthly repayments

RM1,000

3 days 1 month 1 year

Max

Previous close 5.60

Good rise

5.40
5.88
5.71

Detik Bersejarah

Ulang Tahun ke



1960

Penubuhan Koperasi Tentera

Koperasi Tentera ditubuhkan pada 12 November 1960 dan beroperasi di Bangunan Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak.



1970

Membina Kesenambungan

Undang-Undang Kecil KT telah dirangka sekitar tahun 70-an oleh Mej Jen (B) Dato' Hassan bin Hj Mohd Salleh bersama-sama Prof Diraja Ungku Aziz.

1980

Memantapkan Pencapaian

KT menjadi koperasi pertama di dunia memperkenalkan insurans berkelompok untuk anggota tentera.



1990

Melangkah Maju

Koperasi Tentera adalah koperasi pertama menerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri pada tahun 1993.

2000-2005

Menerajui Transformasi

KT memenangi Anugerah Koperasi Negara pada tahun 2005.



2006-2012

Pengukuhan Arah Tuju

Teraju kepimpinan KT bertukar tangan kepada YBhg Brig Jen Dato' Ahmad Zahudi (Bersara) pada Oktober 2006 dan KT telah memenangi Anugerah Koperasi Kredit Terbaik pada tahun 2009.



2013-2017

Transformasi: Satu Lonjakan Destinasi

Memulakan perjalanan transformasi untuk menjadi koop bank dengan membuat perubahan kepada lima modul penting iaitu melengkapkan pelan perniagaan, membangunkan struktur organisasi koop bank, pelaksanaan infrastruktur ICT, pematuhan sepenuhnya kepada Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan pelaksanaan Projek Sistem Perbankan Teras.



2018-2020

Melebarkan Aspirasi

KT beraspirasi untuk meneroka sektor perbankan digital & fintech sebagai gelombang pertumbuhan KT seterusnya.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-55

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-55 Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (“Koperasi Tentera” atau “Koperasi”) akan diadakan pada hari **Ahad, 25 Oktober 2020, bermula jam 7:00 pagi di Dewan Besar PERHEBAT, Kem Sg. Buloh, 47000 Sg. Buloh, Selangor.**

AGENDA

1. Mendaftar dan memilih Anggota Lembaga Koperasi (“ALK” atau “Lembaga”) baharu mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera (UUK KT).
2. Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang ALK untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-55.
3. Membentang dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-54 yang telah diadakan pada 30 Jun 2019.
4. Membentang dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 termasuk perkara-perkara seperti berikut:
 - a) Lembaran Imbangan;
 - b) Penyata Pendapatan;
 - c) Agihan Keuntungan termasuk bayaran 10% dividen atas yuran dan syer dan honorarium ALK;
 - d) Laporan Lembaga Koperasi;
 - e) Laporan Juruaudit Luar;
 - f) Perbandingan angka sebenar dan bajet 2019;
 - g) Kajian semula belanjawan 2020;
 - h) Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, termasuk maklum balas ALK; dan
 - i) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) termasuk maklum balas ALK.
5. Menimbang dan meluluskan belanjawan bagi tahun 2021 termasuk meluluskan saraan ALK dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD).
6. Meluluskan Saraan bagi tahun 2021 kepada Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari yang mewakili Koperasi menurut Seksyen 46 (2) Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan 17 SKM.
7. Menetapkan had maksima keterhutangan Koperasi sebanyak RM3 bilion bagi tahun 2021 dengan kadar keuntungan bank tidak melebihi kadar pasaran semasa.
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan baharu Koperasi bagi tahun 2021.
9. Melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Luar dan memberi mandat kepada Lembaga untuk menetapkan bayaran perkhidmatan mereka.
10. Menimbang dan meluluskan tambahan dan pindaan kepada Undang-Undang Kecil dan Aturan-Aturan Koperasi, jika ada.
11. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.
12. Mengumumkan keputusan pelantikan/pelantikan semula menurut Fasal 36 UUK KT dan pemilihan ALK baharu/pelantikan semula menurut Fasal 38 UUK KT.

Dengan Perintah Lembaga

MUSTAPHA BIN A JALIL

PMC PJM PJK PPS PPA Dip Business Mgmt. (OUM)
Setiasaha Kehormat

Wisma Koperasi Tentera
No.1, Jalan 2/65C
Off Jalan Pahang Barat
53000 Kuala Lumpur

Kuala Lumpur
25 September 2020

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-55

NOTA:

1. **Kelayakan Menghadiri Mesyuarat Agung** - Menurut Fasal 13 dan 16 Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera (UUK KT) berdasarkan kepada Seksyen 50 (a) dan Seksyen 28 Akta Koperasi 1993, anggota yang telah menjelaskan fi masuk dan yuran bulanan pertama yang bernilai sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh) serta syer RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus) pada atau sebelum 25 September 2020 boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-55 pada 25 Oktober 2020. Kelayakan mengundi adalah tertakluk kepada Fasal 25 UUK KT dan Seksyen 30, Akta Koperasi 1993.
2. **Anggota Mohon Berhenti** - Anggota yang telah mendapat kelulusan berhenti daripada Unit Keanggotaan Koperasi pada atau sebelum 25 September 2020 adalah tidak layak mengundi dan tiada hak dan tanggungjawab seperti di bawah Fasal 16 dan 21, UUK KT.
3. **MyTentera/MyKad** - Anggota dikehendaki membawa MyTentera/MyKad semasa pendaftaran dan pengundian.
4. **Pendaftaran dan Pengundian** - Pendaftaran dan pengundian bagi memilih Anggota Lembaga Koperasi akan bermula pada jam 7.00 pagi dan tamat pada jam 11.30 pagi atau pada suatu masa dan tempat yang ditetapkan.
5. **Proses Pendaftaran Anggota Koperasi & Protokol semasa Mesyuarat Agung**
 - a) Kaunter saringan kesihatan akan diwujudkan di pintu masuk bagi memastikan bilangan kehadiran dan pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Anggota koperasi yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 Celcius, bergejala dan Pesakit dalam Siasatan (*Patient under Investigation* atau "PUI") & Orang di bawah Pengawasan (*Person under Surveillance* atau "PUS") tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat agung.
 - b) Petugas di kaunter saringan kesihatan juga perlu memastikan anggota koperasi membersihkan tangan (*hand sanitizer*) dan merekod kehadiran anggota koperasi.
 - c) Semasa anggota koperasi menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi.
 - d) Anggota koperasi diwajibkan memakai pelitup muka (*face mask*).
 - e) Anggota koperasi yang mempunyai penyakit kronik dinasihatkan untuk tidak hadir ke mesyuarat agung.
 - f) Anggota koperasi dikehendaki untuk beratur mengikut kedudukan yang telah ditandakan dan mengamalkan penjarakan sosial 1 meter dan mengelakkan berbual secara dekat (*close conversation*).
 - g) Meninggalkan dewan mesyuarat sebaik sahaja selesai urusan mesyuarat agung.
6. **Aplikasi MySejahtera**
 - a) Anggota koperasi dikehendaki untuk mendaftar dan mengimbas kod QR aplikasi MySejahtera selain daripada pendaftaran bagi rekod Koperasi Tentera.
 - b) Anggota koperasi yang tidak mempunyai telefon pintar dikehendaki untuk merekodkan kehadiran secara manual (bertulis).
7. **Pelantikan Jawatankuasa Audit Dalaman** - Menurut peruntukan Seksyen 42A, Akta Koperasi 1993, pemilihan tidak akan dilakukan di Mesyuarat Agung sebaliknya pelantikan dibuat oleh Lembaga selepas Mesyuarat Agung.
8. **Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen** - Seseorang yang namanya ada di dalam daftar nama anggota Koperasi di dalam tahun kewangan yang berkenaan adalah layak menerima dividen menurut Fasal 68 (1), UUK KT. Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan anggota yang telah menyertai Koperasi sekurang-kurangnya enam bulan sebelum akhir tahun kewangan 31 Disember 2019. Kelulusan pembayaran dividen akan dilaraskan pada Mesyuarat Agung Tahunan dengan pendahuluan yang telah dibayar mulai 24 Julai 2020 ke dalam akaun simpanan anggota, jika KT tiada menerima arahan bayaran ke dalam akaun bank anggota.
9. **Pakaian Menghadiri Mesyuarat Agung** - Anggota Tentera yang masih berkhidmat hadir pada Mesyuarat Agung Koperasi Tentera diwajibkan memakai pakaian kerja (No. 3).

Maklumat Korporat



ALAMAT BERDAFTAR SYARIKAT

Wisma Koperasi Tentera
No. 1, Jalan 2/65C,
Off Jalan Pahang Barat,
53000 Kuala Lumpur.



JURUAUDIT

Ernst & Young



BANK PRINSIPAL

Malayan Banking Berhad



Maklumat Korporat



YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

Menteri Kanan Pertahanan
Kementerian Pertahanan Malaysia

Maklumat Korporat

YANG DIPERTUA

JENERAL TAN SRI DATO' SRI HAJI AFFENDI BIN BUANG TUDM

Panglima Angkatan Tentera

PGAT PMN PSM SPKK SSAP DPPN PSAT DIMP PAT SAP
KAT AMP PTU PJM PKN PPS PPA
rcds (UK) Dssc (Aus) MA (Deakin) psc jt TUDM



NAIB YANG DIPERTUA



JENERAL TAN SRI DATUK ZAMROSE BIN MOHD ZAIN

Panglima Tentera Darat

PSM PSD DCSM PSAT DIMP DPNS PAT
JMN JSM KAT KMN KSD AMS BCK PJM
ndc (Thailand) lmt MA (UKM) Dip Strat
(UM)



LAKSAMANA TAN SRI MOHD REZA BIN MOHD SANY

Panglima Tentera Laut

PSM PSD PSAT DPMS DPTS DSDK
PMW PAT KAT KMN PJM PPS PPA MSc
DSS (NDU Islamabad) Dip PSP (UM)
ncc psc



JENERAL TAN SRI ACKBAL BIN HJ ABDUL SAMAD TUDM


Panglima Tentera Udara

PSM PJN SSAP SIMP PSAT DPKK DSAP
DIMP PAT JSM SAP SMP
KAT AMN AAP dssc psc tp TUDM

KOPERASI
TENTERA

PENJANAAN NILAI MELALUI PEMBANGUNAN TEKNOLOGI YANG TERBAIK

Kami percaya bahawa dalam penjanaaan nilai untuk merangka produk dan perkhidmatan yang terbaik, anggota dan pelanggan KT merupakan faktor utama yang didahulukan. Didukung dengan usaha gigih yang berterusan, KT telah berjaya membangunkan sistem perbankan teras yang berdaya saing setanding dengan standard industri, di samping terus berusaha untuk memberikan solusi perbankan yang inovatif dan komprehensif.






Imbas kod QR untuk layari laman
sesawang rasmi Koperasi Tentera





Sorotan Kewangan 5-Tahun



Anggota Lembaga Koperasi

MEJAR JENERAL DATO' ZULKIFLEE BIN MAZLAN (BERSARA)

Pengerusi Koperasi Tentera



KELAYAKAN

- Master of Science, National Security Strategy, National Defense University, Fort McNair, Washington DC
- Diploma Lanjutan Undang-Undang LLB (Hons), Institut Teknologi Mara (ITM)

PINGAT

- PSAT DSNS PAT JSM DNS KMN ANS MSC (NDU) LLB (Hons) mpat psc

PENGALAMAN

Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee bin Mazlan (Bersara) mempunyai pengalaman lebih 44 tahun dalam bidang pertahanan. Beliau adalah graduan akademi tentera terkemuka Royal Military Academy Sandhurst, England pada tahun 1974. Beliau telah dilantik menjadi Pengerusi Koperasi Tentera pada 14 Jun 2015. Sebelum menyertai Koperasi Tentera, beliau merupakan Inspektor Jeneral (Bahagian Inspektorat Tentera Darat), Markas Tentera Darat dan Ketua Pengarah di Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), sebuah jabatan di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

Selain itu, beliau juga turut memegang beberapa jawatan lain sepanjang penglibatan beliau dalam bidang pertahanan seperti Komandan Kedua Kolej Tentera Darat, di Ulu Tiram, Johor dan Ketua Pegawai Semboyan ke-13 (Kor Rejimen Semboyan Diraja).

Anggota Koperasi Lembaga



1
KOL TS HAMIDI BIN ACHIN
Naib Pengerusi

DNS KAT ANS PJM PNBB (DRC) PPS PPA
mpat psc (Bangladesh) MDS MSoc Sc Def
Stud (UKM) MSc Info Sys (UTM) BSc Comp
SW Engr (UTM) Dip Comp Sc (UiTM)

2
ENCIK MUSTAPHA BIN A JALIL
Setiausaha

PMC PJM PJK PPS PPA Dip Business
Management (OUM)

3
**LT KOL HJ ABDUL HALIM BIN MOHD
NOOR**
Bendahari

KAT AMK BCK PNBB PPS PPA UN MEDAL
(Sahara Barat) psc MM (UM) DIA (ITM)
Dip Strat & Def (UM)

Anggota Koperasi Lembaga



4

LAKSDA ANUAR BIN MOHAMED

PAT PMP KAT KMN AMP PJM PPS PPA MSoc
Sc DS (UKM) MMaritimePol (UOW) Dip PSP
(UM) mpat psc

5

LT JEN DATUK MOHD ZAKARIA BIN HJ YADI

PSD PSAT DSPN PAT JSM SMP KAT KMN PJM
PNBB (Somalia) PPS PPA LLM (Malaya) MSc
(Monterey CA) LLB Hons (UiTM) rcds (UK) lmt

6

BRIG JEN DATO' AHMAD BIN ABD RAHMAN TUDM

DIMP PAT PCM SMP KAT KMN KSD AMN AMP
PJM PPS PPA ndc (BD) mpat psc TUDM MSc
Security Development (BDU) MSc Strat & Def
(UKM) & Dip Strat & Def (UM)

Anggota Koperasi Lembaga



7

BRIG JEN DATO' ABDUL HADI BIN MD SHARIFF

DIMP PAT KAT AMN PJM PNBB (Liberia) mpat psc MSc Def Studies (UKM) Dip Strat (UM)

9

PW I (YOS) NOOR AFZAN BINTI MANSOR

PPS PPA Dip IT (OUM)

8

ENCIK WAN MOHD ASRAF BIN WAN SALLEH

Senior Intl' Def Mgt (NPS, Monterey, California) MSc Strategy & Policy (Australian Defence Forces Academy, Canberra) LLB (UIAM) Dip Public Administration (INTAN)

10

PW I TOMI BIN HAMDAN

BAT PPN PCK PJM PPS PPA Dip IT (OUM)

Anggota Koperasi Lembaga



11

PW I MEOR MOHD FAIZUL BIN ABD KARIM

BAT PJK (Kedah) PPS PPA Dip Pengurusan Sumber Manusia (UPM)

12

SSJN ZAIRUL EFAN BIN ZAINOL ABIDIN

PNBB (Lebanon) PPS PPA

13

KPL WAN ASRI BIN WAN IBRAHIM

PPS PPA

14

ENCIK MOHAMMAD FAZILLA BIN HALIM

PJM PNBB (Bosnia) PPS PPA PBB

Pengurusan Koperasi

BRIGEDIER JENERAL DATO' AHMAD ZAHUDI BIN HAJI SALLEH (BERSARA)

Ketua Pegawai Eksekutif



KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Ahli Institut Akauntan Malaysia

PINGAT

- DSDK PAT JSM SDK KAT KMN CA (M) BAcc (Hons) (UiTM) mpat psc

PENGALAMAN YBhg Brigedier Jeneral Dato' Ahmad Zahudi bin Hj Salleh (Bersara) telah memulakan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Tentera pada 2 Oktober 2006.

Beliau mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan sumber dan kewangan. Pengalaman ini diperolehi di sepanjang kerjaya beliau selama 36 tahun di dalam Angkatan Tentera Malaysia dan 14 tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Koperasi Tentera. Penglibatan aktif beliau dalam pentadbiran Koperasi Tentera pula bermula pada tahun 1993 apabila beliau dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah dan kemudiannya menjadi Setiausaha Kehormat pada tahun 1995 dan seterusnya dilantik sebagai Pengerusi KT selama 8 tahun mulai tahun 1999.

Beliau telah melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi dan Anggota Lembaga pada bulan September 2006 untuk mengetuai barisan pengurusan selaku Ketua Pegawai Eksekutif KT sehingga hari ini.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan KT mencapai aspirasinya untuk menjadi sebuah koperasi terunggul di Malaysia. Beliau telah mencetus gelombang baharu pertumbuhan KT melalui program transformasi yang telah merubah keupayaan KT dari sudut teknologi maklumat, tadbir urus, kawalan dalaman dan pelaporan kewangan.

Dato' Ahmad Zahudi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Teknologi MARA dan merupakan seorang Akauntan Berkanun.

Pengurusan Koperasi



MOHD GHAZALI BIN ABBAS
Ketua Pegawai Operasi

Kelayakan

- Ahli *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*
- Ahli *Malaysian Institute of Accountants (MIA)*
- Juruaudit Dalam Bertauliah
- Ahli *Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM)*
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Ekonomi & Perniagaan, *York University, Toronto, Canada*



MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHAMED
Ketua Pengurusan Saluran, Digital & Fintech

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera, Perhubungan Antarabangsa, *Lehigh University, Bethlehem, Pennsylvania, USA*



SUHAILIE BIN MOHD SARIP
Ketua Sistem Maklumat

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian), Kejuruteraan Perisian *Sheffield Hallam University, UK*



SHAMSUDDIN BIN HJ JAAFAR
Ketua Kewangan & Perbendaharaan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)



SHARIFAH ZALINA BINTI ABDUL RAHMAN
Ketua Pengurusan Risiko & Pematuhan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Kewangan Islam, *International Centre of Islamic Finance (INCEIF)*
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Perakaunan), *California State University, Sacramento, USA*
- *Certified Credit Professional (CCP)*, *Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)*



LT KOL ISMAIL BIN HJ ALI (BERSARA)
Ketua Operasi Sokongan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Maklumat), Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, *Indiana State University, USA*
- Diploma Pascasiswazah Analisa Sistem, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Diploma Pertahanan & Strategik, Universiti Malaya (UM)

Pengurusan Koperasi



NURSHAHILLA BINTI AHMAD
Ketua Sekretariat & Perundangan

● Kelayakan

- Ijazah Sarjana Eksekutif Pengurusan, *Asia e University (AeU)*
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Setiausaha Syarikat Berlesen
- Diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara oleh Bar Malaysia



**TENGGU MUNYATI BINTI
TENGGU IBRAHIM**
Ketua Pemprosesan Kredit

● Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- *Certified Credit Professional (CCP) 1 & 3, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)*
- Ahli *Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)*



EH RUN EH NOI
Ketua Perbankan Perniagaan

● Kelayakan

- Ijazah Sarjana Ekonomi Islam (Kewangan), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Pengurusan), Universiti Malaya (UM)



MOHAMAD SAZALI BIN SAMJIS
Ketua Operasi Cawangan & Akaun

● Kelayakan

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran), Universiti Utara Malaysia (UUM)



**SUHANADZATUL NADZREEN
BINTI ISMAIL**
Ketua Sumber Manusia

● Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Kewangan & Perakaunan, *Lancaster University, UK*



UMMI MUNIRAH BINTI ABDULLAH
Ketua Audit Dalam

● Kelayakan

- Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalam Malaysia
- Akauntan Bertauliah (M)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Jawatankuasa Audit Dalaman 2019/2020



LT KOL MOHD LUTPI TAUFIK BIN CHE MAT MIN

Jabatanarah UGAT
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur



LT KOL ZULKIFLE BIN HASHIM

PS 1 Kewangan
Cawangan Sumber Manusia
Markas Tentera Darat
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur



LT KDR SITI NORHAJAR BT MEGAT AHMAD ROSLAN TLDM

Markas Tentera Laut
Cawangan Dasar & Pembangunan Sumber Manusia
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur



LT KOL MOHD SAM BIN MOHD YUSOF TUDM

Pengarah
Pengurusan Sumber Manusia
Markas Tentera Udara
(Bahagian Sumber Manusia)
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur




PUAN MARINA BT MOHD NASIR

Ketua Penolong Setiausaha
Cawangan Pembangunan Kompetensi
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur

KOPERASI
TENTERA

PENYAMPAIAN NILAI KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN

Sebagai sebuah Koperasi terkemuka di Malaysia, KT komited untuk mengoptimumkan penyampaian nilai kepada pihak berkepentingan kami. Usaha ini dijalankan dengan memastikan setiap pelaburan dan pembiayaan dibuat dengan teliti serta mengurus aset dan sumber manusia kami dengan cekap bagi memberikan impak kewangan yang terbaik.



Imbas kod QR untuk layari laman
sesawang rasmi Koperasi Tentera





Kenyataan Pengerusi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada Anggota KT yang dikasihi,

“ Alhamdulillah, untuk tahun 2019 Koperasi Tentera terus menunjukkan prestasi yang konsisten, walaupun terus menghadapi cabaran sepanjang tahun. Aset pembiayaan KT terus menunjukkan penguncupan, terutamanya disebabkan oleh penembusan institusi kewangan ke dalam pasaran KT yang terhad, namun langkah-langkah konservatif yang diambil pada tahun-tahun sebelumnya telah membantu menghasilkan keuntungan baik untuk tahun ini. ”

☐ Sesungguhnya, 2019 merupakan tahun penstabilan di mana KT kini telah membuktikan bahawa ia bukan sekadar sebuah badan koperasi biasa. KT telah memecah acuan koperasi kredit dan menyerlahkan diri lebih mirip sebagai sebuah institusi kewangan, mempelopori piawai baru dalam aspek pengoperasian dan transaksi perniagaan, automasi sistem teras, pendigitalan perkhidmatan pelanggan dan tadbir urus korporat. Ini adalah pencapaian yang hebat yang telah diperakui oleh “*The Asian Banker*” sebagai institusi dengan Aplikasi atau Program Inisiatif Perbankan Teras Terbaik dan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang meletakkan KT sebagai koperasi kedua terbaik di antara 100 Koperasi Terbaik 2019.

Tahun 2019 juga menyaksikan KT menceburi arena pembiayaan perniagaan untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan KT telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM10.2 juta kepada 13 buah PKS seluruh Malaysia setakat ini.

Memasuki tahun 2020, walaupun KT telah membuat perancangan yang rapi, tiada apa yang mampu melawan ketentuan Allah. Penularan wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan kepada perniagaan KT. Lantaran PKP, KT telah ditutup hampir dua bulan, tanpa ada sebarang aktiviti perniagaan. Pun demikian, dengan kepentingan anggota di hati, Lembaga KT memutuskan untuk memberi penangguhan pembayaran pembiayaan kepada anggota KT selama 6 bulan bermula dari April hingga September 2020. Penangguhan pembayaran ini juga bermaksud penangguhan pendapatan KT untuk tempoh yang sama. Maka, kami

berharap anggota KT akan menghargai inisiatif ini, kerana sesungguhnya, ia akan memberi kesan ke atas pulangan anggota apabila kami melaporkan prestasi KT tahun 2020 kelak.

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dipertua dan Naib-Naib Yang Dipertua atas sokongan dan dorongan mereka sehingga KT berada di tahap ini.

Saya juga mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan perlantikan Yang Berbahagia Datuk Zamrose Bin Mohd Zain sempena perlantikan beliau sebagai Panglima Tentera Darat dan Jeneral Dato' Sri Ackbal Bin Hj Abdul Samad TUDM sempena perlantikan beliau sebagai Panglima Tentera Udara dan seterusnya dilantik sebagai Naib-naib Yang Dipertua baharu KT.

➔ RM10.2 juta

Pembiayaan perniagaan untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS)

KT menceburi arena pembiayaan perniagaan untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan KT telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM10.2 juta kepada 13 buah PKS seluruh Malaysia setakat ini.



Kenyataan Pengerusi



**MEJAR JENERAL DATO' ZULKIFLEE
BIN MAZLAN (BERSARA)**
Pengerusi

➤ **RM193 juta**

Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat

Keuntungan sebelum Cukai dan Zakat KT untuk tahun 2019 bertambah ke RM193.1 juta berbanding RM184.3 juta pada tahun 2018.

➤ **RM274 juta**

Pendapatan Bersih 2019

Pendapatan Bersih dari pembiayaan KT untuk tahun 2019 berkurang ke RM274 juta berbanding RM313.5 juta pada 2018.

Kenyataan Pengerusi

Seterusnya, saya ambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli Bin Haji Zainal Abidin sepanjang beliau menjadi Yang Dipertua KT serta kepada Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Bin Hj Mohd Nawawi sepanjang menjadi Naib Yang Dipertua KT.

PRESTASI 2019

Walaupun keuntungan KT nampak meningkat berbanding tahun 2018, hakikatnya, perniagaan KT menunjukkan penurunan, selaras dengan penyusutan aset pembiayaan KT. Produk Pembiayaan Peribadi dijangka terus menguncup kerana pembayaran balik yang diterima melebihi permintaan untuk pembiayaan baru. Dalam 5 tahun yang lalu, bilangan anggota KT berada pada purata 155 ribu orang, sedangkan pasaran KT ditembusi oleh institusi kewangan lain, menyebabkan ketepuan pasaran yang mengekang kelayakan anggota untuk mendapatkan pembiayaan baru.

Akibatnya, pendapatan bersih daripada pembiayaan KT untuk tahun 2019 berkurang ke RM274 juta berbanding RM313.5 juta pada 2018. Akan tetapi, penguncupan aset pembiayaan juga menyebabkan penurunan dalam peruntukan untuk Jangkaan Kerugian Kredit yang menghasilkan keuntungan sebelum Cukai dan Zakat yang lebih tinggi, iaitu RM193.1 juta, berbanding RM184.3 juta pada tahun 2018.

Pendapatan

Pendapatan Kewangan pada tahun 2019 berkurang RM16.6 juta berbanding tahun 2018 daripada RM284.9 juta kepada RM268.3 juta. Disumbang terutamanya oleh keuntungan dari pembiayaan peribadi, pendapatan daripada aktiviti pembiayaan merosot RM27.8 juta daripada RM266.2 juta menjadi RM238.4 juta pada tahun 2019. Ini sejajar dengan pengurangan pembiayaan dan pendahuluan sebanyak RM253 juta daripada RM2.135 bilion pada tahun 2018 kepada RM1.882 bilion (pengecutan 11.9%).

Penurunan aset pembiayaan ini ditimbal balik dengan penambahan dalam Deposit dan Penempatan Dana KT di institusi kewangan yang meningkat sebanyak RM240 juta ke RM780 juta pada tahun 2019 daripada RM540 juta pada tahun 2018. Oleh itu, keuntungan dari penempatan dana di pelbagai bank di Malaysia, menghasilkan pulangan sebanyak RM27.8 juta, berbanding RM16.2 juta pada tahun 2018.

Kos kewangan menunjukkan pengurangan, disebabkan oleh penggunaan kemudahan pinjaman/pembiayaan bank yang berkurang. Walau bagaimanapun, oleh kerana peningkatan Deposit Simpanan Anggota sebanyak RM31.3 juta, KT hanya berjaya mengurangkan kos sebanyak RM3.6 juta berbanding tahun 2018, daripada RM24 juta ke RM20.4 juta pada tahun 2019.

Pendapatan lain juga menurun pada tahun 2019, menyumbang kepada pengurangan pendapatan bersih sebanyak RM39.5 juta daripada RM313.5 juta pada tahun 2018 kepada RM274 juta pada tahun 2019.

Perbelanjaan

Menjelang penghujung era transformasi, perbelanjaan pada tahun 2019 menampakkan kestabilan operasi. Walaupun terdapat kenaikan dalam perbelanjaan berkaitan operasi dan pembangunan perniagaan KT, peningkatan prestasi pelaburan strategik KT telah mengembalikan peruntukan rosot nilai yang dibuat pada tahun-tahun sebelumnya. Ini memberi kesan kepada perbelanjaan operasi KT untuk 2019 secara positif, menunjukkan pengurangan RM4 juta, iaitu menurun kepada RM94 juta, berbanding RM98 juta pada 2018.

Keuntungan dan Agihan Keuntungan

Seperti yang disebut di atas, amalan konservatif KT dalam tahun-tahun sebelumnya telah memberi manfaat ketika KT memerlukannya. Untuk tahun 2019, terdapat pembalikan semula (write back) peruntukan pembiayaan tidak berbayar berjumlah RM13 juta pada tahun 2019, berbanding caj RM31 juta pada 2018, meningkatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat KT daripada RM184 juta pada 2018 kepada RM193 juta pada 2019.


Seterusnya, setelah mengambil kira memperuntukkan cukai dan zakat, keuntungan KT untuk 2019 menjadi RM192 juta, RM10 juta lebih tinggi daripada tahun 2018, yang mana 15% daripadanya diketepikan untuk Rizab Berkanun (mengikut arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia No. 3, 2016). Dengan itu, terdapat lebih RM160.4 juta keuntungan yang boleh diagihkan sebagai dividen.

Untuk tahun 2019, dianggarkan kadar dividen 10% memerlukan pembayaran sebanyak RM154 juta.

KEANGGOTAAN

Bilangan Keanggotaan KT pada akhir tahun 2019 adalah 156,773 orang, meningkat sebanyak 2,153 daripada 154,620 pada tahun 2018. Sepanjang tahun ini, terdapat anggota baru seramai 8,691, sementara 6,538 telah mengundurkan diri.

Pada akhir tahun 2019, perwakilan keanggotaan mengikut perkhidmatan adalah seperti berikut.




Kenyataan Pengerusi

PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Pembiayaan

Aset Pembiayaan KT terus menurun, meneruskan trend yang bermula pada tahun 2017. Malah, baki pembiayaan pada akhir tahun 2019 menurun RM254 juta dari tahun 2018, satu penurunan yang lebih besar berbanding tahun lepas. Ini adalah akibat daripada kekurangan permintaan untuk pembiayaan baru, kerana pasaran KT yang hanya terhad kepada anggotanya, kini telah mencapai tahap tepu. Anggota KT yang layak meminjam kini telah pun mencecah kelayakan maksimum mereka, dan mereka yang tidak meminjam, tidak mempunyai niat untuk melakukannya. Sepanjang tahun 2019, jumlah pembiayaan bersih dikeluarkan adalah RM400 juta berbanding RM491 juta pada tahun 2018.



Tahun 2019 juga menyaksikan KT mula menceburi arena pembiayaan PKS, dan pengeluaran pembiayaan PKS pertama telah dilakukan pada bulan September 2019. Namun, kerana ini adalah sesuatu yang sangat baru untuk KT, pastinya KT memerlukan masa untuk memantapkan diri dalam pasaran pembiayaan PKS. Sejumlah RM10.2 juta pembiayaan PKS diluluskan, dan daripada itu, RM1.8 juta telah dibayar. Berdasarkan bilangan permohonan yang diperolehi, tahun 2020 dijangka akan menyaksikan pengeluaran lebih tinggi.

Insurans & Takaful


KT terus menjadi satu-satunya koperasi yang menyediakan perkhidmatan perlindungan insurans dan takaful kepada anggota Tentera. Namun, dengan peningkatan kos perubatan dan penjagaan kesihatan, KT tidak mempunyai banyak pilihan selain menaikkan premium skim Medic KT kami, untuk mengimbangi kenaikan kos sambil mengekalkan manfaat yang kini dinikmati oleh pemegang polisi. Untuk melakukan ini, KT bekerjasama dengan penanggung-penanggung insurans dan takaful utama di Malaysia untuk memastikan tahap perkhidmatan yang diberikan kepada anggota KT dan pemegang polisi lain tidak terjejas.

Skim-skim takaful KT telah banyak memberi manfaat kepada pemegang polisi (samada anggota dan bukan anggota KT) dan mereka yang disayangi. Pada tahun 2019, sebanyak RM21.8 juta dan RM13.2 juta tuntutan dalam skim STBATM dan Medic KT telah dibayar kepada pemegang polisi atau waris mereka.


* Skim Takaful Perwira II telah dihentikan, dan oleh itu, jumlah pemegang polisi dijangka menurun. Pada masa ini, KT hanya mengendali daftar pemegang polisi sedia ada, sementara tuntutan diuruskan secara langsung oleh syarikat insurans.

Penyertaan dalam Skim Insurans dan Takaful KT


Ahli STBATM




Unit STBATM




Ahli Medic KT



Ahli TPII



Kenyataan Pengerusi




Ar-Rahnu

ArRahnu KT meneruskan prestasi yang mendatar sejak tahun 2018. Pendapatan daripada perniagaan pajak gadai emas Islam ini menurun kepada RM2.183 juta daripada RM2.415 juta pada tahun 2018. Punca utama prestasi hambar ini disebabkan oleh persaingan sengit dalam sektor ini di mana KT adalah pemain kecil. Walau bagaimanapun, ArRAhnu KT akan berusaha untuk memantapkan diri pada tahun-tahun mendatang, mengambil kesempatan harga emas yang kini di tahap tertinggi.

Tanggungjawab Sosial

Sebagai koperasi yang prihatin, KT memberikan bantuan kewangan kepada anggotanya yang memerlukan. Sepanjang tahun 2019, RM1.843 juta telah disalurkan dalam bentuk bantuan pendidikan, bantuan perubatan, sumbangan am dan khairat kematian; memberi manfaat kepada 5,354 anggota dan anak-anak mereka yang berkecukupan. Perincian sumbangan adalah seperti berikut:



PROSPEK 2020

Penularan Wabak Covid-19 adalah sesuatu yang tidak pernah kita jangka. Segala yang telah dirancang, bahkan inisiatif-inisiatif yang telah pun dimulakan kini harus dikaji semula. Lantaran daripada Perintah Kawalan Pergerakan, untuk sebahagian besar suku kedua 2020, KT hampir langsung tidak beroperasi. Pengurusan dan Lembaga Pengarah KT telah memohon kebenaran daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, untuk kami terus beroperasi untuk memberi perkhidmatan kepada anggota tetapi keselamatan rakyat Malaysia adalah keutamaan pertama. Tahun 2020 akan tertulis dalam lipatan sejarah sebagai tahun kemerosotan ekonomi terburuk pernah direkodkan dalam abad ini, dan KT turut terkesan daripada impaknya.

Keputusan Lembaga KT untuk menangguhkan pembayaran balik pembiayaan anggota KT untuk tempoh enam bulan bermula dari April hingga September 2020, adalah semata-mata meringankan beban kewangan anggota dan seterusnya, membantu kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi Malaysia; walaupun penangguhan pembayaran tersebut akan menjejaskan prestasi kewangan KT kerana ia bererti tiada pendapatan pembiayaan untuk setengah tahun 2020.

Akan tetapi, Covid-19 juga membuktikan kewajaran usaha KT dalam mengembangkan KTOOnline. Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan penguatkuasaan tatacara interaksi sosial serta norma baru, keperluan untuk transaksi tanpa sentuh dan tanpa tunai kini lebih menyerlah.

Oleh yang demikian, anggota KT adalah sangat digalakkan untuk mendaftar dan membiasakan diri dengan transaksi dalam talian, sementara kami terus meningkatkan perkhidmatan dan fungsi aplikasi KTOOnline. Dalam membiasakan sesuatu yang baru, tentunya akan ada pelbagai cabaran, maka dalam ketika inilah, penyertaan dan maklum balas anggota amat diperlukan untuk penambahbaikan platform KTOOnline ini.

Setakat ini, tahun 2020 adalah tahun penuh onak dan liku, dan kami meramalkan proses pemulihan untuk KT khususnya dan negara kita amnya akan berterusan sehingga ke hujung tahun 2021. Akan tetapi, yakinlah bahawa KT mampu mengharungi badai ini, kerana KT masih ada kekuatan. KT masih mempunyai keutuhan daripada segi kewangan dan modal insan, pengurusan dan Lembaga KT serta infrastruktur teras yang bersedia untuk menempuh segala cabaran. Sejajurnya, kami menjangkakan pulangan KT akan

Kenyataan Pengerusi



“ Kami akan terus berusaha untuk memastikan tadbir urus yang terbaik dan berintegriti dalam barisan kami untuk terus menjunjung kepercayaan anggota kepada kami. ”

merudum untuk tahun 2020 dan 2021, tetapi pastinya KT akan bangun semula, lebih kuat, selagi kami terus mendapat sokongan dari anggota KT.

Sokongan Anda, Kekuatan Kami.

PENUTUP

Bagi pihak Lembaga KT, tiada kata yang akan dapat melahirkan rasa terima kasih di atas sokongan semua anggota yang telah diberikan selama enam dekad yang lalu. Segala yang telah kami capai hakikatnya adalah untuk anggota dan daripada anggota. Kami di sini hanyalah penggerak dan pelaksana amanah yang telah diberikan kepada kami.

Kami berjanji akan terus melindungi kebajikan, kepentingan dan pulangan pelaburan anggota KT. Kami akan terus berusaha untuk memastikan tadbir urus yang terbaik dan berintegriti dalam barisan kami untuk terus menjunjung kepercayaan anggota kepada kami.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengarah yang telah tamat tempoh perkhidmatannya, iaitu Mej. Jen. Datuk Mohd Zakaria bin Hj Yadi, Laksamana Pertama Anuar bin Mohamed, Brig. Jen. Dato' Ahmad bin Abd Rahman TUDM, Brig. Jen. Dato' Abdul Hadi bin Md Sharif, En. Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh, Kol. Hamidi bin Achin, PW I (YOS) Noor Afzan bt Mansor dan En. Mohammad Fazilla bin Halim. Terima kasih atas sumbangan anda dalam memajukan KT.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas sokongan dan bimbingan diberi yang tidak ternilai. Tidak dilupakan kepada tenaga kerja KT, saya mewakili Ahli Lembaga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas ketekunan dan integriti yang ditunjukkan sepanjang tahun 2019. Semoga kita terus maju dengan sikap dan semangat yang sama untuk mengatasi cabaran masa depan.

Terima kasih.

**MEJAR JENERAL DATO' ZULKIFLEE
BIN MAZLAN (BERSARA)**
Pengerusi

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

Anggota Koperasi Tentera yang dihormati sekalian,

“ Kita jangan bataskan diri kita kerana laluan hari ini tidak sama dengan apa yang kita lalui semalam serta apa yang bakal kita tempoh esok apatah lagi tahun-tahun mendatang. ”

Pertama sekali, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Anggota Lembaga Koperasi Tentera (ALK) di atas mandat yang diberikan untuk saya terus menerajui Koperasi Tentera (KT) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sejak tahun 2006. Saya berasa bertuah kerana masih diberi kepercayaan untuk terus memimpin organisasi ini menuju ke fasa pertumbuhan seterusnya; terutamanya dalam memberikan tumpuan kepada penjanaan peluang yang dapat memberi nilai tambah kepada anggota, pembudayaan inovasi dan pembentukan generasi baru KT yang mampu mengoptimumkan penggunaan teknologi digital.

Tahun 2020 merupakan tahun ke-60 KT beroperasi sejak ditubuhkan pada 12 November 1960. Matlamat penubuhannya ialah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan anggota dengan menyediakan platform yang boleh membantu urus aktiviti ekonomi anggota supaya mereka memperoleh faedah yang optimum.

Alhamdulillah, tidak keterlaluan kalau saya katakan, KT telah berjaya mencapai matlamat yang disasarkan dengan baik. Ini terbukti dengan pertumbuhan organisasi dan prestasi kewangan yang direkodkan sepanjang dekad serta dengan faedah-faedah kewangan dan bukan kewangan yang dinikmati oleh anggota dalam tempoh tersebut. Bagi memastikan

kesinambungan ini, KT akan terus memberi keutamaan kepada perancangan jangka panjang yang progresif dan mampan serta mampu mendepani segala cabaran perniagaan yang mendatang.

Saya amat berbesar hati dapat terus berbakti dan menjadi sebahagian daripada organisasi ini untuk menentukan hala tuju KT terus stabil dan kekal berdaya saing. InsyaAllah, dengan berbekalkan keazaman dan sedikit pengalaman yang ada, saya akan manfaat sepenuhnya untuk terus memacu gelombang pertumbuhan KT seterusnya.



RM2 bilion

Modal KT dijangka akan terus berkembang

sehingga RM2 bilion pada tahun 2025 berbanding RM600 juta pada tahun 2006.

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif



**BRIGEDIER JENERAL DATO'
AHMAD ZAHUDI BIN HJ
SALLEH (BERSARA)**
Ketua Pegawai Eksekutif

➤ **RM192.3 juta**

**Keuntungan Operasi sebelum
Pengagihan**

RM77.8 juta pada tahun 2006 kepada RM192.3 juta pada tahun 2019.

➤ **RM154 juta**

**Dividen KT meningkat lebih daripada
2 kali ganda**

RM154 juta dalam tahun 2019, daripada RM49 juta pada tahun 2006 dengan pengagihan dividen kepada anggota berjumlah RM1.47 bilion.

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

MENDEPANI CABARAN

Untuk kekal relevan, saya akur bahawa usaha KT untuk memenuhi harapan anggota, kecemerlangan operasi dan membina komuniti masa hadapan yang mampan bergantung kepada keupayaan bagi menyesuaikan diri berinovasi dan mengintegrasikan teknologi digital ke dalam perkhidmatan dan perniagaan KT. Walaupun sukar dan mencabar, usaha perlu diteruskan. Apa yang penting adalah kesungguhan dan keinginan untuk terus berjaya dengan cemerlang. Kita jangan bataskan diri kita kerana hari ini tidak sama dengan apa yang kita lalui semalam serta apa yang bakal kita tempuhi esok apatah lagi tahun-tahun mendatang. Justeru, kita perlu ada keberanian dan semangat juang dalam menghadapi persekitaran semasa ekonomi global, ekonomi bebas tunai dan digitalisasi yang kian mencabar.

Menyedari hakikat ini, KT mengambil tindakan proaktif dengan melaksanakan pelan transformasi untuk menjadi sebuah co-opbank dalam pelan jangka panjang 2012 - 2017. Dalam pelan transformasi ini, KT telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang merangkumi penyediaan pelan perniagaan baharu, pembaharuan struktur, memperbaiki rangka kerja operasi, meningkatkan penyampaian perkhidmatan, memantapkan proses tadbir urus, meningkatkan pengurusan risiko kredit, melaksanakan sistem ICT baharu serta membangunkan sumber manusia bagi meningkatkan keupayaannya ke tahap yang setara dengan bank komersil.

KT terpaksa melalui beberapa proses yang sukar dan mencabar dalam merealisasikan projek berskala besar secara serentak ke arah menjadi sebuah co-opbank. KT telah mengambil risiko dan pendekatan berani untuk mendepani segala cabaran yang timbul semasa pelaksanaan pelan tersebut dan pada masa yang sama, perlu memberikan tumpuan kepada operasi semasa. Alhamdulillah, dengan komitmen, kesungguhan dan kerjasama semua, KT bukan sahaja mampu merealisasikan keseluruhan pelan transformasi tersebut dengan cemerlang, malah dapat memberikan pulangan dividen melebihi kadar pasaran iaitu pada kadar purata tidak kurang daripada 10% setiap tahun.

RANCANGAN PERTUMBUHAN 5 TAHUN

Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia terus lembap, dengan keyakinan pelabur terjejas akibat ketegangan perdagangan dan ketidakpastian geopolitik lain. Sebagai ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia menerima kesan daripada perkembangan ini di mana perkembangan pasaran kewangan domestik berada dalam keadaan tidak menentu.

KT turut terkesan dengan keadaan ini dan telah mengambil kira faktor-faktor ekonomi semasa dalam penyediaan Pelan Strategik 2018 - 2022. Pelan ini merangkumi kerangka strategik segmen pasaran, proses perniagaan, kewangan, sumber manusia dan tadbir urus. Justeru, dalam mendepani ketidakpastian pasaran dan faktor luar jangka yang lain, KT boleh menyusun semula pelan ini untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.



Dalam tempoh tiga tahun pertama sejak pelan strategik ini diperkenalkan, tumpuan telah diberikan kepada pelaksanaan tiga inisiatif utama iaitu:

- i. Fokus memacu strategi:
 - Meningkatkan daya tahan dan daya saing KT dengan membangunkan tahap kompetensi (kepakaran dan kemahiran), kecekapan operasi dan mengoptimalkan penggunaan teknologi digital;
 - Menjana pertumbuhan melalui inovasi produk dan perkhidmatan serta membuka pasaran dan saluran baharu
 - Memperkukuhkan keberkesanan pengurusan kewangan dan agihan sumber
- ii. Konsolidasi dan kolaborasi untuk mencari peluang perniagaan baharu dan mencapai sinergi perniagaan; dan
- iii. Membina reputasi dengan berpegang teguh kepada budaya tadbir urus korporat dan mekanisme kawalan dalaman yang berpiawai tinggi.

Setiap inisiatif yang dirangka dalam pelan strategik ini telah direncanakan dengan teliti untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Melalui kombinasi yang baik di antara perancangan yang teliti dan disusuli dengan pelaksanaan yang profesional serta komitmen yang tinggi warga KT, ianya telah meletakkan organisasi ini berada dalam kedudukan yang kukuh dan mampu mengharungi cabaran yang sedang dihadapi.

PENCIPTAAN NILAI

KT terus gigih merencanakan penciptaan nilai untuk membolehkan anggota memperoleh manfaat yang berterusan. Gelombang kejayaan pertama yang dapat dilihat hasil daripada usaha ini adalah pada tahun 2007 di mana KT telah berjaya merekodkan prestasi yang amat memberangsangkan melebihi daripada jangkaan tahun-tahun sebelumnya. Ini berjaya dicapai hasil daripada beberapa perubahan strategik dan pendekatan operasi baharu yang diperkenalkan ketika itu. KT terus merekodkan prestasi yang memberangsangkan sehingga tahun 2012 sekaligus membolehkan anggota menikmati peningkatan jumlah bayaran dividen yang ketara setiap tahun sejak itu.

Gelombang kedua pertumbuhan KT berlaku pada tahun 2012 apabila pengurusan mengambil langkah berani memperkenalkan Pelan Transformasi KT (2013 - 2017) dalam usaha menjadikan KT sebagai sebuah co-opbank. Asas yang dibina melalui pelan transformasi ini telah menyaksikan pelbagai pelaksanaan inisiatif seperti penambahbaikan tadbir urus, transformasi strategik, penumpuan kepada pembangunan bakat dan teknologi serta penambahbaikan produk dan perkhidmatan kepada anggota telah membantu merencanakan lagi pertumbuhan KT dalam menuju gelombang arus perubahan yang ketiga.

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif


Perubahan dari semasa ke semasa mengikut keperluan sedang giat dijalankan oleh KT bagi memastikan organisasi ini tidak ketinggalan dalam pelbagai sudut terutamanya dalam menghadapi cabaran ekonomi digital dan ekonomi bebas tunai. Kini, KT secara strategik telah memulakan langkah mengaplikasikan teknologi digital dalam perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Adalah menjadi aspirasi baharu KT untuk menjadi penggerak utama teknologi digital dalam gerakan koperasi dalam jangka masa lima tahun akan datang untuk mencapai objektif pertumbuhan yang seterusnya.

RANGKUMAN PRESTASI KEWANGAN KT

KT telah menikmati pertumbuhan yang kukuh sejak tahun 2006, dengan hampir 200% pada pertumbuhan pendapatan bersih dan hampir 150% dalam keuntungan operasi sebelum pengagihan:

- Pendapatan Bersih RM94.0 juta pada tahun 2006 meningkat kepada RM274.1 juta pada tahun 2019.
- Keuntungan Operasi sebelum Pengagihan RM77.8 juta pada tahun 2006 kepada RM192.3 juta pada tahun 2019.

Momentum pertumbuhan KT dapat dikekalkan dalam beberapa kitaran gelombang yang berbeza, mencerminkan berbagai tahap strategi proaktif, penambahbaikan dan pelaksanaan transformasi telah berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Yang lebih penting, ianya juga dapat disesuaikan dengan perubahan dalam landskap perniagaan dan peluang pasaran yang berbeza dengan cepat.




Carta di atas merangkumkan prestasi kewangan KT dari tahun 1993 sehingga 2019 di mana KT telah melalui beberapa fasa pertumbuhan yang berbeza. 14 tahun terakhir (2006 - 2019) menyaksikan dividen KT meningkat lebih daripada 2 kali ganda menjadi RM154 juta dalam tahun 2019, daripada RM49 juta pada tahun 2006 dengan pengagihan dividen kepada anggota berjumlah RM1.47 bilion. Ini turut disokong oleh peningkatan aset KT yang telah meningkat sebanyak 2.7 kali ganda.

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

Memberi pulangan kepada anggota, menggandakan jumlah dividen dibayar sejak 2006

Dividen Dibayar (RM Juta)




Jumlah dividen dibayar antara 2006 - 2019

RM1.47 billion

Jumlah aset menghampiri RM3 bilion

Jumlah Aset (RM Bilion)




Aset KT telah meningkat

2.7 kali ganda

Pendapatan bersih telah meningkat hampir 3 kali ganda

Pendapatan Bersih (RM Juta)




Jumlah pendapatan bersih 2006 - 2019

RM2.93 billion

Disokong oleh kedudukan aset pembiayaan yang masih kukuh

Aset Pembiayaan (RM Juta)




Jumlah aset pembiayaan antara 2006 - 2019 telah meningkat sebanyak

2.0 kali ganda

Kos operasi telah meningkat selari dengan pertumbuhan KT dengan CIR kekal pada kadar yang munasabah

Kos Operasi (RM Juta)




Jumlah perbelanjaan operasi dari tahun 2006 - 2019 meningkat hampir

5.9 kali ganda

Mencatat rekod keuntungan yang berterusan

Keuntungan Sebelum Pembahagian (RM Juta)



Jumlah Keuntungan Sebelum Pembahagian antara tahun 2006 - 2019 sebanyak

RM2.26 billion

Pendapatan Bersih meningkat tiga kali ganda kepada RM274.1 juta, kadar pertumbuhan tahunan gabungan sebanyak 8.6%. Manakala peningkatan kos operasi daripada tahun 2006, yang menggambarkan bahawa struktur kos agak berbeza dalam persekitaran persaingan hari ini dan KT masih mencapai prestasi keuntungan yang tinggi walaupun keadaan pasaran yang mencabar.



Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

KEDUDUKAN KEWANGAN KT BAGI TAHUN 2019



“ Sukacita dimaklumkan bahawa KT sekali lagi berjaya mencatatkan pertumbuhan perniagaan yang memberangsangkan untuk tahun kewangan 2019 di mana ianya mencerminkan pencapaian dan pengukuhan prestasi perniagaan dalam tempoh ini sekaligus dapat memberikan pulangan yang baik kepada ahli ”

KT mengharungi tahun 2019 dengan penuh cabaran apabila terpaksa bergelut dengan keadaan pasaran yang tidak menentu, kedudukan ekonomi global yang lemah, ancaman perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China serta persaingan sengit dalam industri perkhidmatan kewangan domestik. Walau bagaimanapun, saya amat berbangga kerana KT masih terus menunjukkan peningkatan prestasi walaupun berdepan dengan pelbagai kerumitan di sepanjang tempoh ini.

Gambaran keseluruhan mengenai pencapaian kewangan KT bagi tahun kewangan berakhir 2019 adalah seperti berikut:




- Untuk tahun 2019, KT mencatatkan pendapatan bersih berjumlah RM274.1 juta, merosot sebanyak RM39.4 juta berbanding tahun 2018 yang disebabkan oleh penurunan pendapatan daripada aktiviti pembiayaan. Namun begitu, keuntungan sebelum cukai dan zakat KT menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak RM8.9 juta yang terhasil daripada penjimatan kos operasi dan penjana pulangan daripada aktiviti lain.



Laporan Ketua Pegawai Eksekutif


Pendapatan Kredit

RM Juta



Kos Operasi


RM Juta



- Perubahan persekitaran telah menyebabkan KT terpaksa berhadapan dengan persaingan yang semakin kuat oleh institusi pesaing. Akibatnya, aset pembiayaan telah merekodkan penurunan sebanyak 12.1% dan pendapatan dari aktiviti pembiayaan turut merosot sebanyak 5.8% selari dengan penurunan aset pembiayaan.
- Bagi mengimbangi penurunan dalam perniagaan utama, pengurusan telah melakukan beberapa inisiatif bagi mengurangkan kos operasi dan untuk tahun 2019, terdapat pengurangan kos operasi sebanyak RM4 juta. Pengurusan KT akan sentiasa berhemah dalam menguruskan perbelanjaan serta sentiasa mengambil segala langkah yang difikirkan perlu bagi menggalakkan kecekapan yang berterusan.


Jumlah Aset

RM Billion



Jumlah Pinjaman Luar

RM Juta



- Kedudukan jumlah nilai aset KT terus kekal utuh pada nilai RM3.0 bilion sekaligus menunjukkan rekod imbalan kewangan berada pada tahap yang terbaik. Manakala jumlah pinjaman luar KT turun dengan drastiknya dalam tahun kewangan menjadi RM25.1 juta berbanding RM190.2 juta pada tahun 2018.

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

KEMAJUAN, PENCAPAIAN AND PENGHARGAAN



Pengiktirafan Global dan Industri

KT terus melipatgandakan usaha untuk memastikan prestasi organisasi ini sentiasa berada pada tahap yang terbaik selain mengekalkan tahap piawaian yang tinggi. Kami amat berbangga apabila usaha ini diiktiraf dengan sewajarnya oleh industri.

Tahun 2019 merupakan tahun yang sangat membanggakan buat KT di mana KT telah dianugerahkan *"The Asians Bankers Malaysia Awards 2019 Financial Technology Innovation Awards - Best Core Banking initiative, Application or Programme (Credit Co-operative Institution)"* oleh The Asian Banker. Anugerah ini telah dinilai oleh Panel Antarabangsa dan diberikan atas usaha transformasi digital dan Sistem Perbankan Teras yang dibangunkan oleh KT. KT merupakan satu-satunya institusi bukan perbankan yang telah disenarai sebagai penerima anugerah untuk tahun 2019.

Untuk tahun 2019, KT telah turut dinobatkan sebagai koperasi kedua terbaik di kalangan 100 koperasi terbaik di Malaysia, oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.



Rangkaian Capaian Yang Luas

Seiring dengan pertumbuhannya, KT kini memiliki 28 cawangan termasuk lima cawangan Ar-Rahnu di seluruh negara. Dengan adanya rangkaian yang luas, ianya dapat meningkatkan capaian KT kepada anggota sekaligus menambah baik perkhidmatan ke tahap yang lebih baik.

Selari dengan perkembangan teknologi semasa, KT telah melancarkan Perbankan Atas Talian (*Internet Banking atau IB*) dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih (*Mobile Banking atau MB*) yang dikenali sebagai KTOonline pada bulan Jun 2019 bagi memenuhi keperluan perbankan anggota dengan lebih pantas dan cekap. Antara perkhidmatan yang ditawarkan melalui IB dan MB ialah semakan baki yuran, simpanan dan pembiayaan, pindahan wang simpanan antara akaun KT atau melalui Interbank GIRO serta bayaran pembiayaan dan premium insurans.

KT kini dalam proses meningkatkan lagi keupayaan KTOonline bagi membolehkan anggota melakukan lebih banyak pilihan transaksi dalam talian seperti permohonan pembiayaan dan pembayaran bil.



Pemupukan Bakat

Menyedari bahawa betapa pentingnya aspek pemupukan bakat yang menjadi penggerak utama KT pada masa hadapan, KT akan terus melabur dan memberikan tumpuan terhadap perkara ini samada secara dalaman ataupun melibatkan pengambilan bakat dari luar.

Tenaga kerja KT telah berkembang kepada 466 orang secara keseluruhannya. Dari jumlah ini, seramai 169 orang merupakan tenaga kerja di peringkat pengurusan. Organisasi ini mempunyai kakitangan yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dari industri perbankan seperti dalam bidang pemprosesan kredit, pengurusan risiko dan pematuhan, pengauditan serta kewangan dan perbendaharaan. Dengan bakat dan keupayaan sedia ada, KT secara dasarnya telah bersedia untuk beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah Bank Koperasi pada bila-bila masa.

MELANGKAH KE HADAPAN

Melihat ke hadapan, saya berpendapat bahawa masih terdapat banyak perkara yang boleh dikecapi oleh KT. Kejayaan transformasi yang dilaksanakan pada tahun 2012 merupakan permulaan yang cukup meyakinkan. KT kini berada dalam kedudukan yang terbaik untuk terus maju ke hadapan untuk mencapai matlamat yang seterusnya. Tumpuan akan terus diberikan kepada perniagaan konvensional yang sedia ada. Pada masa yang sama, KT tidak akan mengabaikan bentuk atau sistem perniagaan masa hadapan dan akan mengintegrasikan teknologi digital dalam operasinya selari dengan perkembangan teknologi digital dan ekonomi bebas tunai.

Kedua-dua aspek ini akan menjadi teras kepada pertumbuhan perniagaan KT dalam jangka masa lima hingga 10 tahun akan datang.

Dalam usaha untuk mencetuskan gelombang pertumbuhan yang seterusnya, perancangan strategik utama KT adalah lebih fokus kepada empat strategi utama yang dikenal pasti iaitu:

- Pengukuhan kekuatan teras dan mudah cara sistem penyampaian
- Kolaborasi strategik
- Tadbir urus dan kawalan dalaman yang lebih berdisiplin
- Pembangunan dan pengkalan bakat

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

MEMBANGUNKAN GELOMBANG PERTUMBUHAN SETERUSNYA



Kekuatan
Teras



Kolaborasi
Strategik



Disiplin



Bakat

1 Penguatan Kekuatan Teras

Dalam perancangan lima tahun KT, tumpuan terhadap usaha dan inisiatif yang akan dilaksanakan adalah dalam bidang kekuatan teras iaitu aktiviti pembiayaan. Ini termasuklah menggembelngkan usaha untuk menyediakan kemudahan dan pemilihan produk yang lebih baik kepada anggota, komuniti perniagaan kecil dan sederhana (PKS) serta koperasi perbankan internet dan mudah alih milik KT. Untuk memastikan setiap keperluan anggota dan pelanggan dapat dipenuhi dengan cekap dan berkesan, KT akan meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan dan kecekapan operasi dengan mengintegrasikan teknologi digital dalam penawaran produk dan perkhidmatannya.

2 Kolaborasi Strategik

Menyedari bahawa landskap teknologi yang sentiasa berubah-ubah, KT telah mengambil inisiatif awal dengan membentuk kerjasama strategik bersama syarikat yang menjalankan perniagaan berasaskan platform digital. Antara perkara-perkara yang boleh diterokai samada melalui pelaburan strategik atau melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi kewangan terkemuka yang dapat memberikan impak positif kepada pertumbuhan KT pada masa hadapan. Ini sekaligus membolehkan penawaran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelanggan KT melalui saluran-saluran sedia ada terutamanya kepada generasi muda.

3 Pendekatan Yang Lebih Berdisiplin

Warren Buffet, seorang usahawan terkenal dari Amerika Syarikat pernah dipetik berkata, "Kita tidak perlu lebih bijak daripada orang yang lain. Kita hanya perlu lebih disiplin daripada yang lain."

Selaku Ketua Pegawai Eksekutif, saya sangat mengutamakan pendekatan yang berdisiplin terutamanya dalam tadbir urus korporat, kawalan dalaman, ketelusan, dan pengurusan risiko. Selain itu, KT turut memastikan prestasi dan kedudukan kewangan sentiasa berada dalam keadaan yang kukuh. KT turut mempunyai dasar dan proses yang mematuhi keperluan di bawah Akta Institusi Kewangan Islam dan Standard Pelaporan Kewangan Malaysia walaupun belum lagi beroperasi sebagai sebuah bank koperasi.

4 Pembangunan Bakat

KT akan terus melatih kakitangan untuk membentuk mereka supaya dapat membudayakan inovasi dan digital selain menekankan aspek integriti dalam menjadikan KT sebagai sebuah organisasi yang unggul. Pelan penggantian kakitangan juga turut diwujudkan untuk memastikan kelancaran peralihan melibatkan penjawatan samada di peringkat eksekutif mahupun pengurusan utama.

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

MENGIMBAU PERJALANAN KT

“ Tidak ada rahsia dalam menempa kejayaan selain daripada persediaan rapi, kerja keras dan kesanggupan untuk belajar dari kegagalan. ”

JENERAL COLIN POWELL

Bekas Setiausaha Negara A.S.

Saya telah berkhidmat di KT sejak 14 tahun yang lalu dan ianya merupakan pengalaman yang berharga buat saya. Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bekerja dengan warga KT dan membawa organisasi ini menerusi beberapa siri peningkatan, inovasi dan transformasi sejak tahun 2006. Dengan sokongan berterusan daripada anggotanya, KT hari ini mempunyai kedudukan kewangan, kecekapan dan keupayaan teknologi yang kukuh untuk pertumbuhan masa depan. KT kini mula menerokai segmen baharu iaitu PKS dan Koperasi. Pada masa yang sama, KT turut melebarkan aspirasi dengan membangunkan keupayaan digitalnya untuk bersaing dalam persekitaran ekonomi semasa.

GELOMBANG PERTUMBUHAN

1

- Keuntungan daripada pelupusan Pacific Mas melebihi RM100 juta memberi KT tunai tambahan untuk terus berkembang
- Jumlah dividen dibayar meningkat lebih dua kali ganda dari RM50.2 juta (2006) kepada RM117.1 juta (2012)
- 2012 memulakan perjalanan transformasi untuk menjadi co-opbank

2006 - 2012

Pengukuhan Arah Tuju

- Jana Pertumbuhan

2

- Melengkapkan Pelan Perniagaan dan Struktur Organisasi co-opbank
- Pelaksanaan ICT Base Plateu & Perubahan Konsep Perakaunan Akruan
- May 2016 – SKM beri kelulusan fasa pertama jadi co-opbank
- Pelaksanaan Projek Sistem Perbankan Teras bagi mendukung pelan perniagaan, operasi dan tadbir urus co-opbank
- Pematuhan Sepenuhnya kepada Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS)

2013 - 2017

Transformasi: Satu Lonjakan Destinasi

- Transformasi untuk tangani ketepuan pasaran

3

- Pelan 5 Tahun (2018 - 2022) merangkumi Kerangka Strategik Segmen proses perniagaan, kewangan, sumber manusia dan tadbir urus.
- Sektor perbankan digital dan fintech serta inovasi yang dikenal pasti sebagai gelombang pertumbuhan KT seterusnya
- Fokus kepada perkongsian strategik & kolaborasi
- Jumlah dividen dibayar telah mencecah RM145 juta dalam tahun 2018, hampir 3 kali ganda berbanding tahun 2006

2018 - 2022

Melebarkan Aspirasi

- Tangani ketidakentuan pasaran dan jana pasaran digital

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif



MELEBARKAN ASPIRASI

Dalam gerak mengatur langkah untuk membina keunggulan dan kelestarian, KT berhasrat melebarkan aspirasinya dengan mensasarkan untuk menjadi sebuah institusi kewangan digital yang disegani menjelang tahun 2030. Sebagai persediaan untuk mencapai aspirasi ini, KT perlu merencanakan perjalanan untuk menguasai kaedah teknologi digital dan ekonomi bebas tunai sebelum tahun 2025 supaya kesiagaan KT untuk mencapai aspirasi 2030 menjadi lebih jelas dan terarah.

Bagi memastikan matlamat ini berjaya dicapai, KT sedang merangka strategi yang bakal menyaksikan peningkatan penggunaan kaedah digital dan perkhidmatan teknologi kewangan secara agresif. Hasil sumbangan pendapatan melalui kaedah ini dijangka akan meningkat kepada 30% menjelang tahun 2025 dan 60% menjelang tahun 2030. Walau bagaimanapun, perkhidmatan menggunakan kaedah konvensional akan diteruskan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Justeru, KT akan terus merangka strategi baharu yang relevan dalam usaha untuk meningkatkan lagi prestasi yang melibatkan segmen ini.

Tumpuan kepada empat strategi utama seperti yang dinyatakan sebelum ini akan membolehkan KT untuk berkembang dengan lebih pesat. Di samping itu, KT turut berpeluang untuk meningkatkan lagi penciptaan nilai sedia ada memandangkan KT didukung dengan kedudukan kewangan yang kukuh dan mempunyai modal asas yang sihat khususnya dalam penajaan dan peningkatan:

- Pendapatan berasaskan keuntungan dan fi daripada pelanggan teras; dan
- Pendapatan berasaskan keuntungan atau fi dengan memanfaatkan platform berasaskan teknologi untuk membolehkan akses produk dan perkhidmatan kepada komuniti dan segmen pasaran lain dapat diperluaskan;

KT dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik pasca tahun 2025 di mana ia akan membolehkan KT untuk terus memacu objektif perniagaan ke tahap yang lebih tinggi dan pada masa yang sama mempunyai aliran tunai yang kukuh. Selain itu, KT turut berhasrat untuk menubuhkan sebuah unit pelaburan strategik yang

akan menguruskan pelaburan-pelaburan strategik melibatkan institusi perkhidmatan kewangan dengan matlamat untuk menjalinkan kerjasama pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

KT tidak akan berada di tahap sekarang tanpa dedikasi dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak. Memetik kata-kata Jeneral Colin Powell "Tiada rahsia dalam menempa kejayaan selain daripada persediaan rapi, kerja keras dan kesanggupan untuk belajar dari kegagalan". Di samping itu, kaedah kepimpinan dan tadbir urus korporat yang telus, profesional dan berintegriti menjadi pemangkin dalam kejayaan KT selama ini.

Sejujurnya, saya sangat menghargai peranan dan sumbangan anggota samada secara langsung mahupun tidak langsung di atas kepercayaan dan keyakinan yang telah diberikan kepada saya selaku KPE. Terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah di atas kebijaksanaan dan pandangan yang diberikan bagi membolehkan saya menggalas tanggungjawab ini dengan lebih berkesan.

Terima kasih khusus kepada tim Pengurusan dan staf yang sentiasa berusaha gigih memastikan kelancaran operasi KT serta bersama-sama saya dalam mengharungi segala cabaran.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Dipertua dan Naib-naib Yang Dipertua di atas sokongan dan dorongan yang berterusan kepada KT sehingga membawa KT ke tahap ini. Penghargaan yang serupa saya panjangkan kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan pihak-pihak berkepentingan lain di atas sokongan dan bimbingan yang diberikan kepada KT selama ini.

Wassalam.

**BRIGEDIER JENERAL DATO' HJ
AHMAD ZAHUDI BIN HJ SALLEH
(BERSARA)**

Ketua Pegawai Eksekutif



Penyata Kewangan Berkanun

Laporan Berkanun Lembaga	44
Akuan Berkanun	47
Laporan Juruaudit Bebas	48
Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan	51
Penyata Kedudukan Kewangan	52
Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain	53
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang Disatukan	55
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	59
Penyata Aliran Tunai	63
Nota-Nota Penyata Kewangan	65

Laporan Berkanun Lembaga

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA

Lembaga Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad ("Koperasi") dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Koperasi ialah dalam bidang-bidang pembiayaan, pelaburan dan agen insuran. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 8(i) kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap kegiatan-kegiatan utama Koperasi dan subsidiarinya sepanjang tahun kewangan ini.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM	Koperasi RM
Untung sebelum cukai dan zakat	193,993,390	193,155,983
Cukai pendapatan	(2,401,439)	528,762
Zakat	(1,340,000)	(1,340,000)
Untung selepas cukai dan zakat	190,251,951	192,344,745
Pembahagian berkanun	(31,923,398)	(31,923,398)
Keuntungan bagi tahun kewangan	158,328,553	160,421,347
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan	(139,522)	(139,267)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	158,189,031	160,282,080

Pada pendapat Lembaga, keputusan operasi Kumpulan dan Koperasi bagi tempoh kewangan semasa adalah tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa.

Kerangka MFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") adalah sepenuhnya mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") merangkumi piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB").

RIZAB DAN PERUNTUKAN DANA LAIN

Tiada pindahan yang ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan kecuali sepertimana yang dinyatakan dan ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

Laporan Berkanun Lembaga

DIVIDEN

Dalam tahun kewangan ini, Kumpulan dan Koperasi telah membayar dividen daripada keuntungan tahun kewangan 31 Disember 2018.

	Kumpulan dan Koperasi RM
Diiktiraf dalam tahun kewangan:	
Dividen tunai akhir untuk 2018: 10%	144,328,844
	144,328,844

Dividen tunai akhir bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019 sebanyak 10% berjumlah RM154.0 juta atas modal saham dan yuran telah diisytiharkan oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM"). Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mengambil kira cadangan dividen ini. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh SKM, akan diambil kira di dalam ekuiti sebagai agihan daripada perolehan tertahan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 kelak.

HONORARIUM

Dalam tahun kewangan ini, Koperasi telah membuat peruntukan honorarium sebanyak RM450,000 bagi tahun kewangan 31 Disember 2019 seperti yang dinyatakan di dalam Nota 17 kepada penyata kewangan.

Honorarium telah diisytiharkan oleh Lembaga Pengarah dan perlu mendapat kelulusan selanjutnya daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebelum pembayaran boleh dibuat.

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Anggota Lembaga Koperasi yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini adalah:

Mej. Jen. Dato' Zulkiflee Bin Mazlan (B)
 Kol. Hamidi Bin Achin
 En. Mustapha Bin A Jalil
 Lt. Kol. Hj. Abdul Halim Bin Mohd Noor
 Mej. Jen. Datuk Mohd Zakaria Bin Hj. Yadi (dilantik pada 30.06.2019)
 Laksamana Muda Anuar Bin Mohamed (dilantik pada 30.06.2019)
 Brig. Jen. Dato' Ahmad Bin Abd Rahman TUDM
 Brig. Jen. Dato' Abdul Hadi Bin Md Sharif
 En. Wan Mohd Asraf Bin Wan Salleh
 PW I (YOS) Noor Afzan Binti Mansor
 PW I Tomi Bin Hamdan
 En. Mohammad Fazilla Bin Halim
 PW I Meor Mohd Faizul Bin Abd Karim (dilantik pada 30.06.2019)
 SSjn. Zairul Efan Bin Zainol Abidin (dilantik pada 30.06.2019)
 Kpl. Wan Asri Bin Wan Ibrahim (dilantik pada 30.06.2019)
 Mej. Jen. Dato' Pahlawan Redzuan Bin Hj. Baharuddin (bersara pada 30.06.2019)
 Laksamana Muda Dato' Azhari Bin Abdul Rashid (B) (bersara pada 30.06.2019)
 Kol. Hj. Abdul Kadir Bin Mohd Ali (bersara pada 30.06.2019)
 Lt. Kol. Rozi Binti Abbas (bersara pada 30.06.2019)
 Tn. Hj. Hafizi Bin Abdul Mutolif (bersara pada 30.06.2019)

Laporan Berkanun Lembaga

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Pada tarikh laporan ini, Lembaga berpendapat tiada sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Koperasi sedia ada mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (b) Pada tarikh laporan ini, tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Koperasi memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya.
- (c) Pada tarikh laporan ini, tiada sebarang caj ke atas aset Kumpulan dan Koperasi yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain.
- (d) Pada pendapat Lembaga:
 - (i) sebarang aset yang nilainya tidak mungkin direalisasi seperti yang tertera di dalam rekod perakaunan Koperasi dan subsidiari – subsidiarinya dalam perjalanan perniagaan yang biasa, telah dikurangkan nilai kepada jumlah yang dijangka boleh diperolehi.
 - (ii) tiada perkara, urusan niaga atau kejadian yang bersifat material dan luar biasa telah timbul di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan hasil operasi Kumpulan dan Koperasi dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Kami, bagi pihak Lembaga mengisytiharkan bahawa selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, kami tidak mengetahui sebarang perkara yang perlu dinyatakan menurut Akta Koperasi, 1993.

Mejj. Jen. Dato' Zulkiflee Bin Mazlan (B)
Pengerusi

Kol. Ts Hamidi Bin Achin
Naib Pengerusi

En. Mustapha Bin A Jalil
Setiausaha


Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
10 Julai 2020

Akuan Berkanun

AKUAN BERKANUN

Saya, Lt. Kol. Hj. Abdul Halim bin Mohd Noor, selaku Bendahari Kehormat Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 51 hingga 149 adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh yang tersebut di atas di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 10 Julai 2020.



Lt. Kol. Hj. Abdul Halim Bin Mohd Noor

Di hadapan saya,



Lot 6, Arked Star, 23-G,
Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-ahli Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENYATA KEWANGAN

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019 Kumpulan dan Koperasi, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk rumusan dasar-dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 48 hingga 50.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2019, dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Kumpulan dan Koperasi selaras dengan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain yang terdiri daripada laporan berkanun Lembaga Pengarah dan maklumat yang dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan, tetapi tidak termasuk dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tersebut dan laporan juruaudit yang dilampirkan, yang mana Laporan Berkanun lembaga Pengarah telah kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini dan Laporan Tahunan dijangka akan disediakan kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini dibuat.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain adalah tidak konsisten dengan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau sebaliknya kelihatan salah nyata.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan terhadap maklumat lain yang diperolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata material tentang maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini ke atas Laporan Berkanun Lembaga.

Apabila kami membaca Laporan Tahunan, jika kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami dikehendaki untuk berkomunikasi perkara tersebut kepada Ahli Lembaga Koperasi dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Ahli Lembaga yang diperlukan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-ahli Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Koperasi sebagai usaha berterusan, mendedahkan, sebagaimana yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan penggunaan dasar perakaunan yang berterusan melainkan jika Ahli Lembaga sama ada bercadang untuk mencairkan Kumpulan atau Koperasi atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi berbuat demikian.

Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Kumpulan dan Koperasi.

Objektif kami adalah untuk mendapatkan kepastian yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhan bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau dalam agregat, ia dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata material yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan kolusi, pemalsuan, peninggalan yang sengaja, salah nyata, atau penolakan kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merancang prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli Lembaga.
- Menyimpulkan mengenai kesesuaian penggunaan Ahli Lembaga terhadap dasar perakaunan berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan atau Koperasi itu untuk terus sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Kumpulan atau Koperasi berhenti sebagai usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi mewakili urusan niaga dan peristiwa sandaran dengan cara untuk mencapai pembentangan yang saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas hala tuju, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Ahli Lembaga mengenai hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-ahli Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Keperluan Perundangan dan Peraturan

Selaras dengan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- (a) Rekod perakaunan dan rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah selaras dengan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 di Malaysia, dan peraturan dan undang-undang kecil Koperasi.
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dalam semua aspek material, dinyatakan dengan saksama mengikut dasar perakaunan.

Lain-lain Perkara

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Koperasi, sebagai badan, mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tidak ada tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP002760-LCA) & AF 0039

Akauntan Bertauliah

Ahmad Hammami Bin Muhyidin

No. 03313/07/2021 J

No. SKM(B)0534

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

10 Julai 2020

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan di dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Pada 31 Disember 2019

Kumpulan	Nota	Pada 2019 RM	Pada 2018 RM
Aset			
Baki tunai dan bank	3	15,072,373	20,554,488
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	4	787,681,883	549,669,713
Pelaburan kewangan	5	70,936,939	34,996,927
Pembiayaan dan pendahuluan	6	1,881,561,151	2,135,466,396
Aset-aset lain	7	18,984,056	42,008,456
Cukai boleh diperolehi semula		14,551,268	11,339,465
Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia		18,035,127	17,312,292
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	9	18,179,458	25,348,104
Hartanah dan peralatan	10	73,423,990	80,432,842
Perisian komputer	11	56,782,184	66,116,698
Pelaburan hartanah	12	18,650,000	18,650,000
Manfaat penggunaan aset	13	844,005	-
Aset cukai tertunda	14	22,250,690	24,927,360
Jumlah aset		2,996,953,124	3,026,822,741
Liabiliti			
Simpanan anggota	15	335,733,391	304,442,122
Pinjaman	16	25,054,144	190,195,290
Liabiliti-liabiliti lain	17	51,658,969	72,505,496
Peruntukan manfaat persaraan	18	6,606,846	4,999,612
Liabiliti kontrak insurans	19	13,358,000	20,056,000
Jumlah liabiliti		432,411,350	592,198,520
Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti Koperasi			
Modal saham	20	16,289,233	16,161,606
Modal yuran	21	1,583,720,737	1,482,908,932
Kumpulan wang rizab berkanun		543,423,989	520,245,271
Rizab-rizab lain	22	250,190,596	247,073,279
Perolehan tertahan		170,917,219	164,015,372
		2,564,541,774	2,430,404,460
Kepentingan tidak dikawal		-	4,219,761
Jumlah ekuiti		2,564,541,774	2,434,624,221
Jumlah liabiliti dan ekuiti		2,996,953,124	3,026,822,741

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2019

Koperasi	Nota	Pada 2019 RM	Pada 2018 RM
Aset			
Baki tunai dan bank	3	14,785,842	17,520,069
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	4	779,855,101	540,000,000
Pelaburan kewangan	5	39,850,585	4,376,376
Pembiayaan dan pendahuluan	6	1,881,561,151	2,135,466,396
Aset-aset lain	7	18,732,625	12,784,296
Cukai boleh diperolehi semula		14,536,251	10,705,684
Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia		18,035,127	17,312,292
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	8	36,600,000	38,491,284
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	9	22,493,040	26,049,583
Hartanah dan peralatan	10	73,423,990	79,606,197
Perisian komputer	11	56,782,184	66,116,698
Pelaburan hartanah	12	18,650,000	18,650,000
Manfaat penggunaan aset	13	844,005	-
Aset cukai tertunda	14	22,250,690	24,927,360
Jumlah aset		2,998,400,591	2,992,006,235
Liabiliti			
Simpanan anggota	15	335,733,391	304,442,122
Pinjaman	16	25,054,144	190,195,290
Liabiliti-liabiliti lain	17	51,369,964	46,731,821
Peruntukan manfaat persaraan	18	6,606,846	4,999,612
Liabiliti kontrak insurans	19	13,358,000	20,056,000
Jumlah liabiliti		432,122,345	566,424,845
Ekuiti untuk pemegang-pemegang ekuiti Koperasi			
Modal saham	20	16,289,233	16,161,606
Modal yuran	21	1,583,720,737	1,482,908,932
Kumpulan wang rizab berkanun		543,423,989	520,245,271
Rizab-rizab lain	22	250,220,495	248,543,753
Perolehan tertahan		172,623,792	157,721,828
Jumlah ekuiti		2,566,278,246	2,425,581,390
Jumlah liabiliti dan ekuiti		2,998,400,591	2,992,006,235

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Nota	Kumpulan		Koperasi	
		2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Pendapatan	23	268,612,303	285,249,928	268,346,891	284,876,518
Kos kewangan	24	(20,378,364)	(23,988,204)	(20,378,364)	(23,988,204)
Pendapatan selepas kos kewangan		248,233,939	261,261,724	247,968,527	260,888,314
Pendapatan operasi lain	25	22,757,976	65,685,746	26,094,563	52,642,394
Pendapatan bersih		270,991,915	326,947,470	274,063,090	313,530,708
Perbelanjaan operasi	26	(94,402,434)	(111,553,478)	(93,883,657)	(97,918,433)
		176,589,481	215,393,992	180,179,433	215,612,275
Peruntukan rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan pemulihan/(dicaj)	29	12,976,550	(31,325,319)	12,976,550	(31,325,319)
		189,566,031	184,068,673	193,155,983	184,286,956
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		4,427,359	1,727,434	-	-
Untung sebelum cukai dan zakat		193,993,390	185,796,107	193,155,983	184,286,956
Cukai pendapatan	30	(2,401,439)	(2,732,095)	528,762	(466,962)
Zakat		(1,340,000)	(1,340,000)	(1,340,000)	(1,340,000)
Untung selepas cukai dan zakat		190,251,951	181,724,012	192,344,745	182,479,994
Pembahagian berkanun:					
Kumpulan Wang Rizab Berkanun 12%		(23,178,718)	(22,114,435)	(23,178,718)	(22,114,435)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi 2%		(3,863,120)	(3,685,739)	(3,863,120)	(3,685,739)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi 1%		(1,931,560)	(1,842,870)	(1,931,560)	(1,842,870)
Pembahagian lain:					
Skim khairat kematian		(600,000)	(600,000)	(600,000)	(600,000)
Tabung dermasiswa		(1,150,000)	(800,000)	(1,150,000)	(800,000)
Sumbangan am		(750,000)	(600,000)	(750,000)	(600,000)
Honorarium (Nota 17)		(450,000)	(450,000)	(450,000)	(450,000)
		(31,923,398)	(30,093,044)	(31,923,398)	(30,093,044)
Keuntungan bagi tahun kewangan		158,328,553	151,630,968	160,421,347	152,386,950
Diagihkan kepada:					
Ahli-ahli Koperasi		158,328,553	151,830,354		
Kepentingan tidak dikawal		-	(199,386)		
		158,328,553	151,630,968		

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

Nota	Kumpulan		Koperasi	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Keuntungan bagi tahun kewangan	158,328,553	151,630,968	160,421,347	152,386,950
Pendapatan komprehensif lain:				
<i>Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi:</i>				
Penilaian semula keuntungan ekuiti instrumen pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	1,156,359	594,339	1,156,614	596,714
Penilaian semula kerugian ke atas manfaat persaraan	(1,295,881)	-	(1,295,881)	-
<i>Perkara-perkara yang mungkin akan diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi:</i>				
Keuntungan bersih atas rizab penilaian semula hartanah dan peralatan	-	2,569,089	-	2,569,089
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	(139,522)	3,163,428	(139,267)	3,165,803
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	158,189,031	154,794,396	160,282,080	155,552,753

Nota i

Honorarium yang dibentangkan dalam pembahagian lain adalah untuk mematuhi Garis Panduan 15 perenggan 23 (e)(iv).

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi						Jumlah ekuiti RM
	Modul saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Perolehan tertahan RM	Jumlah RM	
	16,161,606	1,482,908,932	520,245,271	247,073,279	164,015,372	2,430,404,460	2,434,624,221
Pada 1 Januari 2019							
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	190,251,951	190,251,951	190,251,951
Pembahagian berkanun:							
Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(23,178,718)	(23,178,718)	(23,178,718)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(3,863,120)	(3,863,120)	(3,863,120)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(1,931,560)	(1,931,560)	(1,931,560)
Pembahagian lain:							
Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	(600,000)
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(1,150,000)	(1,150,000)	(1,150,000)
Sumbangan am	-	-	-	-	(750,000)	(750,000)	(750,000)
Honorarium (Nota 17)	-	-	-	-	(450,000)	(450,000)	(450,000)
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	158,328,553	158,328,553	158,328,553
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	1,156,359	(1,295,881)	(139,522)	(139,522)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	1,156,359	157,032,672	158,189,031	158,189,031

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

Kumpulan	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi		Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah ekuiti RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Perolehan tertahan RM	Jumlah RM	
Penerimaan daripada ahli-ahli	846,070	164,947,539	-	-	-	165,793,609	165,793,609
Pengeluaran daripada ahli-ahli	(718,443)	(64,135,734)	-	-	-	(64,854,177)	(64,854,177)
Pindahan dari perolehan tertahan (Nota i)	-	-	23,178,718	2,394,658	-	25,573,376	25,573,376
Pindahan ke rizab-rizab lain (Nota ii)	-	-	-	-	105,342	105,342	105,342
Pelupusan tahun semasa	-	-	-	1,440,830	(5,907,323)	(4,466,493)	(8,686,254)
Bayaran dividen (Nota 31)	-	-	-	-	(144,328,844)	(144,328,844)	(144,328,844)
Pengagihan kepada ahli-ahli (Nota 22)	-	-	-	(1,874,530)	-	(1,874,530)	(1,874,530)
Urus niaga dengan ahli-ahli	127,627	100,811,805	-	2,066,300	(150,236,167)	(47,230,435)	(51,450,196)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	23,178,718	(105,342)	105,342	23,178,718	23,178,718
Pada 31 Disember 2019	16,289,233	1,583,720,737	543,423,989	250,190,596	170,917,219	2,564,541,774	2,564,541,774

Nota i

Rizab berkanun dikekalkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan pematuhan Akta Koperasi 1993 Para 57 (1)(b)(ii).

Nota ii

Pengiktirafan lebihan penilaian semula ke atas pelaburan hartanah daripada perolehan tertahan kepada rizab-rizab lain adalah mengikut keperluan Garis Panduan 23 Para 15 (e)(iv).

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi		Boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah ekuiti RM
	Modul saham RM	Modul yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Perolehan tertahan RM	Jumlah RM	
Kumpulan							
Pada 1 Januari 2018	16,068,200	1,406,012,748	498,130,836	240,392,041	146,659,913	2,307,263,738	2,312,336,997
Kesan menerima pakai MFRS 9	-	-	-	103,898	3,750,688	3,854,586	3,854,586
Baki awal yang dinyatakan semula di bawah MFRS 9	16,068,200	1,406,012,748	498,130,836	240,495,939	150,410,601	2,311,118,324	2,316,191,583
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	181,923,398	181,923,398	181,724,012
Pembahagian berkanun:							
Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(22,114,435)	(22,114,435)	(22,114,435)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(3,685,739)	(3,685,739)	(3,685,739)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(1,842,870)	(1,842,870)	(1,842,870)
Pembahagian lain:							
Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	(600,000)
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(800,000)	(800,000)	(800,000)
Sumbangan am	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	(600,000)
Honorarium (Nota 17)	-	-	-	-	(450,000)	(450,000)	(450,000)
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	151,830,354	151,830,354	151,630,968
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	3,163,428	-	3,163,428	3,163,428
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	3,163,428	151,830,354	154,993,782	154,794,396

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Yang Disatukan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

Kumpulan	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi		Boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah ekuiti RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Perolehan tertahan RM	Jumlah RM	
Penerimaan daripada ahli-ahli	967,365	150,697,234	-	-	-	151,664,599	151,664,599
Pengeluaran daripada ahli-ahli	(873,959)	(73,801,050)	-	-	-	(74,675,009)	(74,675,009)
Pindahan dari perolehan tertahan (Nota i)	-	-	22,114,435	5,196,633	-	27,311,068	27,311,068
Pindahan ke rizab-rizab lain (Nota ii)	-	-	-	-	(3,091,288)	(3,091,288)	(3,091,288)
Pelupusan tahun semasa	-	-	-	-	(438,291)	(438,291)	(1,092,403)
Bayaran dividen (Nota 31)	-	-	-	-	(134,696,004)	(134,696,004)	(134,696,004)
Pengagihan kepada ahli-ahli (Nota 22)	-	-	-	(1,782,721)	-	(1,782,721)	(1,782,721)
Urus niaga dengan ahli-ahli	93,406	76,896,184	-	322,624	(135,134,295)	(57,822,081)	(58,476,193)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	22,114,435	3,091,288	(3,091,288)	22,114,435	22,114,435
Pada 31 Disember 2018	16,161,606	1,482,908,932	520,245,271	247,073,279	164,015,372	2,430,404,460	2,434,624,221

Nota i

Rizab berkanun dikekalkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan pematuhan Akta Koperasi 1993 Para 57 (1)(b)(ii).

Nota ii

Pengiktirafan lebihan penilaian semula ke atas pelaburan hartanah daripada perolehan tertahan kepada rizab-rizab lain adalah mengikut keperluan Garis Panduan 23 Para 15 (e)(iv).

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi					Jumlah RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Boleh diagihkan Perolehan tertahan RM	
Pada 1 Januari 2019	16,161,606	1,482,908,932	520,245,271	248,543,753	157,721,828	2,425,581,390
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	192,344,745	192,344,745
Pembahagian berkanun:						
Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(23,178,718)	(23,178,718)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(3,863,120)	(3,863,120)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(1,931,560)	(1,931,560)
Pembahagian lain:						
Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(1,150,000)	(1,150,000)
Sumbangan am	-	-	-	-	(750,000)	(750,000)
Honorarium (Nota 17)	-	-	-	-	(450,000)	(450,000)
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	160,421,347	160,421,347
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	1,156,614	(1,295,881)	(139,267)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	1,156,614	159,125,466	160,282,080

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

Koperasi	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi						Jumlah RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Boleh diagihkan Perolehan tertahan RM	Boleh diagihkan Perolehan tertahan RM	
Penerimaan daripada ahli-ahli	846,070	164,947,539	-	-	-	-	165,793,609
Pengeluaran daripada ahli-ahli	(718,443)	(64,135,734)	-	-	-	-	(64,854,177)
Pindahan dari perolehan tertahan (Nota i)	-	-	23,178,718	2,394,658	-	-	25,573,376
Pindahan ke rizab-rizab lain (Nota ii)	-	-	-	-	105,342	-	105,342
Bayaran dividen (Nota 31)	-	-	-	-	(144,328,844)	-	(144,328,844)
Pengagihan kepada ahli-ahli (Nota 22)	-	-	-	(1,874,530)	-	-	(1,874,530)
Urus niaga dengan ahli-ahli	127,627	100,811,805	-	625,470	(144,328,844)	(42,763,942)	(42,763,942)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	23,178,718	(105,342)	105,342	23,178,718	23,178,718
Pada 31 Disember 2019	16,289,233	1,583,720,737	543,423,989	250,220,495	172,623,792	2,566,278,246	

Nota i

Rizab berkanun dikekalkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan pematuhan Akta Koperasi 1993 Para 57 (1)(b)(ii).

Nota ii

Pengiktirafan lebihan penilaian semula ke atas pelaburan hartanah daripada perolehan tertahan kepada rizab-rizab lain adalah mengikut keperluan Garis Panduan 23 Para 15 (e)(iv).

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi						Jumlah RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Perolehan tertahan RM		
Pada 1 Januari 2018	16,068,200	1,406,012,748	498,130,836	241,811,083	139,284,911	2,301,307,778	
Kesan menerima pakai MFRS 9	-	-	-	152,955	3,701,631	3,854,586	
Baki awal yang dinyatakan semula di bawah MFRS 9	16,068,200	1,406,012,748	498,130,836	241,964,038	142,986,542	2,305,162,364	
Untung selepas cukai dan zakat	-	-	-	-	182,479,994	182,479,994	
Pembahagian berkanun:							
Kumpulan Wang Rizab Berkanun	-	-	-	-	(22,114,435)	(22,114,435)	
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	-	(3,685,739)	(3,685,739)	
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	-	(1,842,870)	(1,842,870)	
Pembahagian lain:							
Skim khairat kematian	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	
Tabung dermasiswa	-	-	-	-	(800,000)	(800,000)	
Sumbangan am	-	-	-	-	(600,000)	(600,000)	
Honorarium (Nota 17)	-	-	-	-	(450,000)	(450,000)	
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	152,386,950	152,386,950	
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	3,165,803	-	3,165,803	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	3,165,803	152,386,950	155,552,753	

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

Koperasi	Boleh diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Koperasi						Jumlah RM
	Modal saham RM	Modal yuran RM	Rizab berkanun RM	Rizab-rizab lain RM	Boleh diagihkan Perolehan tertahan RM	Boleh diagihkan Perolehan tertahan RM	
Penerimaan daripada ahli-ahli	967,365	150,697,234	-	-	-	-	151,664,599
Pengeluaran daripada ahli-ahli	(873,959)	(73,801,050)	-	-	-	-	(74,675,009)
Pindahan dari perolehan tertahan (Nota i)	-	-	22,114,435	5,196,633	-	-	27,311,068
Pindahan ke rizab-rizab lain (Nota ii)	-	-	-	-	(3,091,288)	-	(3,091,288)
Bayaran dividen (Nota 31)	-	-	-	-	(134,560,376)	-	(134,560,376)
Pengagihan kepada ahli-ahli (Nota 22)	-	-	-	(1,782,721)	-	-	(1,782,721)
Urus niaga dengan ahli-ahli	93,406	76,896,184	-	322,624	(134,560,376)	-	(57,248,162)
Pembahagian pada tahun semasa	-	-	22,114,435	3,091,288	(3,091,288)	-	22,114,435
Pada 31 Disember 2018	16,161,606	1,482,908,932	520,245,271	248,543,753	157,721,828	2,425,581,390	

Nota i

Rizab berkanun dikekalkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan pematuhan Akta Koperasi 1993 Para 57 (1)(b)(ii).

Nota ii

Pengiktirafan lebih penilaian semula ke atas pelaburan hartanah daripada perolehan tertahan kepada rizab-rizab lain adalah mengikut keperluan Garis Panduan 23 Para 15 (e)(iv).

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata aliran tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		Koperasi	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi				
Untung sebelum cukai dan zakat	193,993,390	185,796,107	193,155,983	184,286,956
Pelarasan untuk:				
Keuntungan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	(51,732)	(18,561)	(51,732)	(18,561)
Hapuskira aset	-	103,842	-	103,896
Perubahan dalam nilai saksama hartanah dan peralatan (Nota 25)	-	(3,091,288)	-	(3,091,288)
Peruntukan rosot nilai pelaburan syarikat-syarikat bersekutu	-	2,761,717	(1,146,075)	3,560,531
Liabiliti kontrak insurans	(6,695,040)	(8,082,141)	(6,695,040)	(8,082,141)
Peruntukan rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan (Nota 29)	(8,181,980)	7,399,094	(8,181,980)	7,399,094
Hapuskira pembiayaan (Nota 6)	2,929,359	32,194,433	2,929,359	32,194,433
Peruntukan manfaat persaraan (Nota 26)	408,107	483,475	408,107	483,475
Rugi/(untung) ke atas pelupusan syarikat bersekutu (Nota 25)	1,487,793	-	(4,197,349)	-
Rugi/(untung) ke atas pelupusan subsidiari (Nota 25)	407,498	-	(48,748)	-
Rugi belum direalisasikan pelaburan kewangan	119,681	837,685	682,404	192,805
Faedah dibayar liabiliti pajakan (Nota 26)	643,998	-	643,998	-
Susutnilai manfaat penggunaan aset (Nota 26)	458,808	-	458,808	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	(4,427,359)	(1,727,434)	-	-
Susutnilai dan pelunasan (Nota 26)	26,179,042	26,971,119	26,179,042	26,631,951
Keuntungan dari operasi sebelum perubahan modal kerja	207,271,565	243,628,048	204,136,777	243,661,151
Tambahan deposit tetap dengan kematangan asal lebih daripada 3 bulan	(200,000,000)	(228,903,789)	(200,000,000)	(228,903,789)
Tambahan pembiayaan dan pendahuluan	259,157,866	156,820,922	259,157,866	156,820,922
Tambahan aset-aset lain	(314,777)	(2,550,012)	(5,948,329)	(1,515,477)
Tambahan deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia	(722,835)	(2,139,597)	(722,835)	(2,139,597)
Tambahan/(kurangan) dalam simpanan anggota	31,291,269	(4,706,165)	31,291,269	(4,706,165)
(Tambahan)/kurangan lain-lain pemiutang	(5,549,512)	187,602	(1,434,901)	(255,759)

Penyata aliran tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		Koperasi	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi	291,133,576	162,337,009	286,479,847	162,961,286
Zakat dibayar	(1,342,466)	(1,342,464)	(1,342,466)	(1,342,464)
Cukai dibayar	(3,319,530)	(3,234,409)	(3,309,321)	(511,859)
Cukai dikembalikan	2,684,186	-	2,684,186	-
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	289,155,766	157,760,136	284,512,246	161,106,963
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan				
Pembelian hartanah, peralatan dan aset tidak ketara (Nota 10 dan 11)	(10,677,589)	(17,603,287)	(10,677,589)	(17,522,676)
Pembelian manfaat penggunaan aset (Nota 13)	(1,302,813)	-	(1,302,813)	-
Pembelian hartanah pelaburan (Nota 12)	-	(10,545,345)	-	(10,545,345)
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	67,000	22,683	67,000	22,683
Pelupusan pelaburan dalam subsidiari	(9,777,101)	(1,092,403)	160,000	-
Pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu	10,680,000	-	10,680,000	-
Pelaburan dalam saham dan aset dana pengurusan	(35,000,000)	(2,005,000)	(35,000,000)	(2,005,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(46,010,503)	(31,223,352)	(36,073,402)	(30,050,338)
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan				
Bayaran liabiliti pajakan	(912,882)	-	(912,882)	-
Bayaran dividen (Nota 31)	(144,328,844)	(134,696,004)	(144,328,844)	(134,560,376)
Modal bersih diterima dari ahli-ahli (Nota 20 dan 21)	100,939,432	76,989,590	100,939,432	76,989,590
Pengagihan kepada ahli-ahli	(1,874,530)	(1,782,721)	(1,874,530)	(1,782,721)
Bayaran pinjaman	(164,297,238)	(95,000,000)	(165,000,000)	(95,000,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(210,474,062)	(154,489,135)	(211,176,824)	(154,353,507)
Lebihan/(kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	32,671,201	(27,952,351)	37,262,020	(23,296,882)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	80,028,911	107,981,262	67,324,779	90,621,661
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	112,700,112	80,028,911	104,586,799	67,324,779
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Baki tunai dan bank (Nota 3)	15,072,373	20,554,488	14,785,842	17,520,069
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan (Nota 4)	787,681,883	549,669,713	779,855,101	540,000,000
Pinjaman daripada institusi-institusi kewangan yang lain - Overdraf bank (Nota 16)	(54,144)	(195,290)	(54,144)	(195,290)
Deposit dengan kematangan asal lebih daripada 3 bulan	(690,000,000)	(490,000,000)	(690,000,000)	(490,000,000)
	112,700,112	80,028,911	104,586,799	67,324,779

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

1. Maklumat Korporat

Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad ("KT" atau "Koperasi") merupakan sebuah koperasi yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993. Pejabat berdaftar Koperasi terletak di Wisma Koperasi Tentera, No 1, Jalan 2/65C, Off Jalan Pahang Barat, 53000 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Koperasi ialah dalam bidang-bidang pembiayaan, pelaburan dan agen insuran.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 8(i) kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama Koperasi dan subsidiari ("Kumpulan") sepanjang tahun kewangan ini.

Penyata-penyata kewangan ini telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah menerusi resolusi para pengarah koperasi pada 10 Julai 2020.

2. Dasar-dasar Perakaunan

2.1 Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Koperasi dan syarikat-syarikat subsidiarinya telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS").

Penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting seperti dinyatakan dalam Nota 2.4.

Kumpulan dan Koperasi membentangkan penyata kedudukan kewangan mereka mengikut kecairan.

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila terdapat hak yang sah atau boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak diimbangi dalam penyata kewangan kecuali diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian perakaunan atau tafsiran, dan dinyatakan secara khusus dalam dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Koperasi.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata wang fungsian Koperasi.

2.2 Penerimaan pakai piawaian baru dan dipinda serta Interpretasi

- MFRS 16, *Pajakan*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan - Ciri-ciri Pra Pembayaran dengan Pampasan Negatif*
- Tafsiran IC 23, *Ketidakpastian mengenai Cukai Pendapatan*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Penggabungan Perniagaan*
(*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017*)
- Pindaan kepada MFRS 11, *Pengaturan Bersama*
(*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017*)
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan*
(*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017*)
- Pindaan kepada MFRS 123, *Kos peminjaman*
(*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS Kitaran 2015-2017*)
- Pindaan kepada MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama*
Kepentingan jangka panjang dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.2 Penerimaan pakai piawaian baru dan dipinda serta Interpretasi (bersambung)

Penggunaan piawaian perakaunan, pindaan atau tafsiran tersebut dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi bagi tempoh semasa dan sebelumnya kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

MFRS 16, Pajak (“MFRS 16”)

MFRS 16 menggantikan MFRS 117 pajak (“MFRS 117”), Tafsiran IC 4 Menentukan sama ada sesuatu Pengaturan mengandungi Pajak, Tafsiran IC 115 Pajak Operasi - Insentif dan Interpretasi IC 127 Menilai Inti Pati Urus Niaga yang melibatkan Bentuk Sah Sesuatu Pajak. Piawaian ini menggariskan prinsip-prinsip untuk pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan pendedahan pajak dan memerlukan penerima pajak untuk mengiktiraf kebanyakan pajak dalam kunci kira-kira.

Perakaunan Pemberi Pajak di bawah MFRS 16 adalah ketara tidak berubah daripada MFRS 117. Pemberi pajak akan terus mengklasifikasikan pajak sama ada dengan pajak operasi atau kewangan menggunakan prinsip yang sama seperti MFRS 117. Oleh itu, MFRS 16 tidak mempunyai kesan untuk pajak di mana Kumpulan dan Koperasi adalah pemberi pajak.

Kumpulan dan Koperasi telah memilih untuk tidak menilai semula sama ada kontrak tersebut, atau mengandungi pajak pada tarikh aplikasi awal. Sebaliknya, bagi kontrak yang dimeterai sebelum tarikh peralihan Kumpulan bergantung kepada penilaian yang dibuat menggunakan MFRS 117.

Kumpulan dan Koperasi mengguna pakai MFRS 16 menggunakan kaedah retrospektif yang telah diubahsuai bagi mana-mana angka bandingan yang tidak dinyatakan semula dan kesan kumulatif pada mulanya menggunakan piawaian ini diiktiraf sebagai pelarasan kepada baki pembukaan perolehan tertahan pada tarikh permohonan awal 1 Januari 2019.

Kumpulan dan Koperasi telah memilih untuk menggunakan manfaat praktikal terhadap pajak sebelum ini yang diklasifikasikan sebagai pajak operasi dengan menggunakan kaedah retrospektif yang diubahsuai:

- dipilih untuk gunapakai perakaunan bagi pajak jangka pendek dalam MFRS 16 untuk pajak di mana tempoh pajak tamat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh aplikasi awal; dan
- penggunaan pengalaman lalu menentukan jangka masa pajak sekiranya kontrak tersebut mengandungi opsi untuk melanjutkan atau menamatkan pajak.

Setelah menerima pakai MFRS 16, Kumpulan dan Koperasi menggunakan pendekatan pengiktirafan dan pengukuran tunggal untuk semua pajak yang mana ia adalah pemajak, kecuali untuk pajak jangka pendek dan pajak aset bernilai rendah.

Pada 1 Januari 2019, berdasarkan penilaian pengurusan, terdapat:

- manfaat penggunaan aset-aset;
- peruntukan bagi pemulihan/perombakan manfaat penggunaan aset-aset; dan
- liabiliti pajak yang timbul daripada penggunaan MFRS 16.

Tidak ada kesan penggunaan MFRS 16 terhadap akaun Kumpulan dan Koperasi dalam baki awal perolehan tertahan yang timbul dari pengiktirafan manfaat penggunaan aset dan liabiliti pajak pada 1 Januari 2019.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

MFRS 16, Pajakan ("MFRS 16") (bersambung)

Jadual berikut menunjukkan manfaat penggunaan aset dan liabiliti pajakan bagi Kumpulan dan Koperasi pada 1 Januari 2019:

	Baki pada 1 Januari 2019, seperti dinyatakan sebelum RM	Pengukuran semula RM	Baki pada 1 Januari 2019, dinyatakan semula RM
Manfaat penggunaan aset-aset	-	1,234,859	1,234,859
Liabiliti-liabiliti pajakan	-	(1,174,552)	(1,174,552)
Peruntukan bagi pemulihan/perombakan manfaat penggunaan aset-aset	-	60,307	60,307

2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Koperasi.

Piawai-piawai, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan kepada MFRS 3, Penggabungan Perniagaan - Definisi Perniagaan
- Pindaan kepada MFRS 9, Instrumen Kewangan - Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah
- Pindaan kepada MFRS 7, Instrumen Kewangan: Pendedahan - Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah
- Pindaan kepada MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran - Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah
- Pindaan kepada MFRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan - Definisi Material
- Pindaan kepada MFRS 108, Dasar Perakaunan, Perubahan Anggaran dan Kesalahan Perakaunan - Definisi Material;
- Kerangka Konseptual yang Disemak untuk Pelaporan Kewangan (Kerangka Konseptual)

Piawai-piawai, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

Piawaian-piawaian, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, Penyata Kewangan yang Disatukan - Jualan atau Sumbangan Aset-aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha sama.
- Pindaan kepada MFRS 128, Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Jualan atau Sumbangan Aset-aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha sama.

Kumpulan dan Koperasi merancang untuk mengguna pakai piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang disebut di atas seperti berikut:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2020 untuk piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2021 untuk piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.3 MFRS dan Pindaan kepada MFRS dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa (bersambung)

Piawaian-piawaian, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan (bersambung)

Penggunaan piawaian perakaunan, pindaan atau tafsiran tersebut dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi bagi tempoh semasa dan sebelumnya kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

(i) MFRS 17, Kontrak Insurans (“MFRS 17”)

MFRS 17 akan menggantikan MFRS 4 Kontrak Insurans. MFRS 17 terpakai untuk semua jenis kontrak insurans, tanpa mengira jenis entiti yang menerbitkannya, serta jaminan dan instrumen kewangan tertentu dengan ciri penyertaan budi bicara.

Kumpulan sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul dari penggunaan MFRS 17.

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting

(a) Asas penyatuan

Kawalan seumpamanya diperoleh apabila Kumpulan terdedah, atau mempunyai hak, kepada pelbagai pulangan melalui kuasanya ke atas penerima pelaburan. Secara khususnya, Kumpulan mengawal penerima pelaburan, hanya jika, Kumpulan mempunyai tiga elemen kawalan seperti di bawah:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak-hak sedia ada yang memberinya keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti bersesuaian bagi penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan atau hak ke atas pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan menggunakan kuasanya atas penerima pelaburan bagi mempengaruhi pulangan.

Secara umumnya, terdapat anggapan bahawa majoriti hak mengundi mengakibatkan kawalan. Bagi menyokong anggapan ini dan apabila Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi atau hak yang sama atas penerima pelaburan, pihak Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang berkaitan dalam menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, termasuk:

- (i) Pengaturan kontraktual dengan pemegang undi lain penerima pelaburan;
- (ii) Hak-hak yang timbul daripada pengaturan kontraktual yang lain; dan
- (iii) Hak-hak untuk mengundi dan potensi hak mengundi Kumpulan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(a) Asas penyatuan (bersambung)

Kumpulan menilai sama ada ia mempunyai kawalan terhadap penerima pelaburan sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih terhadap tiga elemen kawalan. Syarikat-syarikat subsidiari disatukan dari tarikh perolehan atau perbadanan, iaitu tarikh di mana kumpulan mendapat kawalan ke atasnya dan akan terus disatukan sehingga tarikh hak kawalan tersebut berakhir. Aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan subsidiari yang diperoleh atau dilupuskan dalam tahun semasa termasuk dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh di mana kumpulan mendapat kawalan ke atasnya sehingga tarikh penamatan kawalan ke atas subsidiari.

Keuntungan atau kerugian dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain adalah dikaitkan dengan pemegang ekuiti Koperasi dan kepentingan tidak dikawal, walaupun ini menyebabkan kepentingan tidak dikawal mempunyai baki defisit. Sekiranya perlu, pelarasan akan dilakukan ke atas dasar perakaunan subsidiari untuk memastikan ianya selari dengan dasar perakaunan kumpulan. Kesemua aset dan liabiliti intra-kumpulan, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan transaksi antara ahli-ahli Kumpulan disingkirkan secara sepenuhnya semasa penyatuan.

Perubahan dalam kepentingan milikan syarikat subsidiari, tanpa kehilangan kawalan, diambil kira sebagai transaksi ekuiti.

Jika Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari, ia akan menyahiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari, menyahiktiraf nilai bawaan mana-mana kepentingan tidak dikawal dalam bekas syarikat subsidiari serta komponen ekuiti yang lain dan mengiktiraf sebarang lebihan atau defisit dalam penyata pendapatan. Setiap pelaburan tertahan diiktiraf pada nilai saksama.

(b) Penggabungan perniagaan dan muhibah

Penggabungan perniagaan dikira menggunakan kaedah pemerolehan. Kos pemerolehan diukur sebagai agregat pertukaran yang diukur atas nilai saksama pada tarikh pemerolehan dan jumlah kepentingan tidak dikawal dalam syarikat yang diperoleh. Bagi setiap penggabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan itu pada nilai saksama atau bahagian bersekadar aset bersih yang dikenal pasti oleh syarikat yang diperoleh. Kos berkaitan pemerolehan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran apabila ianya berlaku.

Apabila Kumpulan memperolehi sesuatu perniagaan, ia membuat penilaian ke atas aset kewangan yang diperoleh dan liabiliti kewangan yang ditanggung untuk pengelasan dan penetapan yang bersesuaian mengikut terma-terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan berkaitan pada tarikh pemerolehan. Ini termasuk pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak hos syarikat yang diperoleh.

Sebarang pertimbangan bersyarat untuk dipindahkan kepada pemeroleh akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Pertimbangan bersyarat dikelaskan sebagai aset atau liabiliti yang merupakan instrumen kewangan dan berada dalam skop MFRS 9, diukur pada nilai saksama dengan perubahannya diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebihan agregat pertukaran yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf bagi kepentingan tidak dikawal dan apa-apa kepentingan yang dipegang sebelumnya, atas aset bersih yang boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti yang ditanggung. Jika nilai saksama aset bersih yang diperolehi melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, Kumpulan menilai semula sama ada ia telah mengenal pasti dengan betul semua aset yang diperolehi dan semua liabiliti yang ditanggung dan mengkaji semula prosedur yang digunakan untuk mengukur amaun yang diiktiraf pada tarikh pemerolehan. Jika penilaian semula masih menghasilkan nilai saksama aset bersih yang diperolehi melebihi agregat pertimbangan yang dipindahkan, keuntungan tersebut akan diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(b) Penggabungan perniagaan dan muhibah (bersambung)

Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Bagi tujuan ujian kemerosotan nilai, muhibah yang diperolehi dari penggabungan perniagaan akan diperuntukan dari tarikh pemerolehan kepada setiap unit penjana tunai Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada penggabungan, tanpa mengambil kira sama ada aset atau liabiliti lain-lain pemerolehan ditetapkan kepada unit berkenaan.

Jika muhibah diperuntukan kepada unit penjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit penjana tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan akan dimasukkan dalam jumlah bawaan operasi itu semasa menentukan keuntungan atau kerugian ke atas pelupusan operasi berkenaan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan ini diukur berdasarkan nilai saksama daripada pelupusan operasi dan bahagian unit penjanaan tunai dikekalkan.

(c) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah entiti di mana Koperasi telah atau dianggap mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka. Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai sama ada Koperasi mempunyai kuasa ke atas entiti lain.

Dalam penyata kewangan Koperasi yang berasingan, pelaburan dalam syarikat, yang terkait dengan pelaburan dalam skim pelaburan kolektif, diiktiraf pada kos.

Dalam pelupusan pelaburan seumpama itu, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan dalam penyata pendapatan.

(d) Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama

Syarikat bersekutu adalah sebuah entiti di mana Kumpulan dan Koperasi mempunyai pengaruh yang ketara. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam proses penentuan dasar kewangan dan operasi penerima pelaburan, tetapi bukannya kawalan atau kawalan bersama terhadap dasar-dasar berkenaan.

Usaha sama adalah sejenis pengaturan bersama di mana semua pihak yang mempunyai kawalan bersama atas perjanjian tersebut mempunyai hak ke atas aset-aset bersih usaha sama. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan atas pengaturan yang dipersetujui secara kontraktual yang hanya wujud apabila keputusan melibatkan aktiviti relevan yang memerlukan persetujuan bersama pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Semasa pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti pelaburan yang dikenal pasti diiktiraf sebagai muhibah dan dimasukkan dalam amaun bawaan pelaburan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan atas kos pelaburan boleh dikenal pasti dikecualikan dalam nilai bawaan pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu dan usaha sama diambil kira menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh Kumpulan dan Koperasi mempunyai pengaruh ketara atau kawalan bersama.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(d) Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama (bersambung)

Di bawah kaedah ekuiti, kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama pada awalnya diiktiraf pada kos, dan amaun bawaan meningkat atau menurun untuk mengiktiraf bahagian untung rugi Kumpulan dan pendapatan komprehensif lain syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama milik Kumpulan sejak tarikh pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian yang ditanggung oleh Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian seterusnya kecuali Kumpulan menanggung obligasi atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusan hulu dan hilir di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usahasiswa diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya sehingga kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan transaksi tersebut menunjukkan bukti rosot nilai aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu atau usaha sama disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Koperasi. Sekiranya perlu, penyelarasan dibuat supaya dasar perakaunan selari dengan Kumpulan.

Selepas pelaksanaan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan sama ada perlu untuk mengiktirafkan sebarang rosot nilai kerugian atas pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Kumpulan akan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama mengalami rosot nilai. Jikalau terbukti, Kumpulan akan mengira jumlah rosot nilai sebagai perbezaan antara jumlah yang boleh diperolehi semula daripada syarikat-syarikat bersekutu atau usahasiswa dengan nilai bawaannya, kemudian mengiktiraf jumlah dalam penyata pendapatan. Penarikbalikan rosot nilai diiktiraf sekiranya amaun boleh pulih pelaburan kemudiannya meningkat.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan akan mengukur dan mengiktiraf sebarang pemegang pelaburannya pada nilai saksama. Sebarang perbezaan antara jumlah bawaan syarikat bersekutu atau usaha sama terhadap kehilangan pengaruh ketara atau kawalan bersama dengan nilai saksama pegangan pelaburan dan hasil daripada pelupusan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Dalam penyata kewangan berasingan Koperasi, kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada kos ditolak dengan kerugian rosot nilai terkumpul. Apabila pelaburan sedemikian dilupuskan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai bawaannya diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan dalam penyata pendapatan.

(e) Hartanah dan peralatan

Kesemua hartanah dan peralatan pada asalnya direkodkan pada kos. Kos hartanah dan peralatan diiktiraf sebagai aset, jika dan hanya jika, ia berkebarangkalian memberi sumbangan ekonomi masa depan kepada Kumpulan dan Koperasi dan kosnya boleh dikira secara pasti.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada.

Apabila bahagian penting hartanah dan peralatan perlu digantikan secara berselang, Kumpulan dan Koperasi mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat kegunaan tertentu dan membuat susut nilai ke atasnya. Begitu juga, apabila pemeriksaan utama dilaksanakan, kosnya diiktiraf dalam amaun bawaan hartanah dan peralatan sebagai gantian jika kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagaimana yang dikenakan.

Tanah pegangan bebas mempunyai tempoh kegunaan yang tidak terbatas dan dengan itu tidak disusut nilai. Tanah pegangan pajakan disusut nilai sepanjang tempoh pajakan di antara 35 hingga 99 tahun.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(e) Hartanah dan peralatan (bersambung)

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan lain dikira pada asas garis lurus ke atas anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan seperti yang berikut:

Tanah pegangan pajak dan bangunan	2%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan komputer	20%
Perabot, kelengkapan dan alatan pejabat	20%
Ubah suai pejabat	10%
Stesen minyak dan peralatan	10%
Aset dalam pembangunan	-
Tanah pegangan bebas	-

Nilai bawaan hartanah dan peralatan disemak untuk rosot nilai apabila kejadian atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun bawaan mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan susut nilai akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Hartanah dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperolehi daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan jumlah bawaan bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(f) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur berdasarkan kos pengiktirafan awal. Kos bagi aset tidak ketara yang diperolehi daripada penggabungan perniagaan adalah nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Selepas pengiktirafan awal, aset tidak ketara dikira pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan juga kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Aset tidak ketara yang dijana secara dalaman, tidak termasuk kos pembangunan dipermodalkan, tidak dipermodalkan dan perbelanjaan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Tempoh hayat boleh guna aset tidak ketara dinilai sama ada secara terbatas ataupun tidak terbatas. Aset tidak ketara dengan hayat terbatas dilunaskan mengikut hayat boleh gunanya secara ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara itu mungkin dirosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat boleh guna terbatas disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap akhir tahun kewangan.

Perubahan dalam jangkaan tempoh hayat boleh guna atau jangkaan corak penggunaan faedah ekonomi masa akan datang dalam aset itu diambil kira dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, sebagaimana wajar dan dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tidak ketara dengan hayat terbatas diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Aset tidak ketara dengan hayat tidak terbatas tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai setiap tahun, sama ada secara individu atau pada tahap unit penjana tunai. Penilaian hayat tidak terbatas disemak semula setiap tahun untuk menentukan sama ada hayat yang tidak terbatas itu masih boleh dikekalkan. Jika tidak, perubahan dalam hayat boleh guna daripada tidak terbatas kepada terbatas dilaksanakan secara prospektif.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tidak ketara diukur sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan aset tersebut serta diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset itu dinyahiktiraf.

Perisian komputer dilunaskan ke atas anggaran hayat penggunaannya selama 5 tahun.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(g) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dipegang sama ada untuk meraih pendapatan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya dan secara umumnya tidak diduduki untuk kegunaan atau operasi Kumpulan dan Koperasi. Hartanah itu pada awalnya diukur pada kos, termasuk kos transaksi.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan hartanah dinyatakan pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh pelaporan. Nilai saksama diperolehi dengan membuat rujukan bukti harga transaksi bagi hartanah yang serupa dalam pasaran dan penilaian dijalankan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyai kelayakan profesional dan berpengalaman tentang lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun berkaitan. Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi dikelaskan dan diambilkira sebagai pelaburan hartanah secara hartanah demi hartanah apabila Kumpulan memegangnya untuk mendapatkan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya. Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi dikelaskan sebagai pelaburan hartanah dan dinyatakan pada nilai saksama.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka diperolehi daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan aset diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh penyahiktirafan.

Pindahan akan dibuat kepada atau daripada pelaburan hartanah hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaannya. Untuk pindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggarkan untuk perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan penggunaan harta. Untuk pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartanah, hartanah berkenaan dikira mengikut dasar perakaunan untuk hartanah dan peralatan seperti mana yang dinyatakan dalam Nota 2.4(e) sehingga tarikh perubahan penggunaan harta. Sebarang perbezaan yang timbul pada tarikh perubahan penggunaan harta antara jumlah bawaan hartanah sebelum berlaku perubahan dan nilai saksamanya diiktiraf sertamerta dalam ekuiti sebagai rizab penilaian semula. Apabila keuntungan nilai saksama menarik balik kerugian rosot nilai yang sebelumnya, keuntungan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila pelaburan hartanah dilupuskan, sebarang kelebihan sebelum ini yang direkodkan dalam ekuiti dipindahkan kepada keuntungan terkumpul. Pindahan itu tidak dibuat melalui penyata pendapatan.

(h) Aset kewangan

Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu pada tarikh Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak berkaitan kepada peruntukan kontrak instrumen tertentu. Ini termasuk cara biasa berniaga, belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam kerangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Klasifikasi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal bergantung pada syarat kontrak aset kewangan tersebut dan model perniagaan untuk menguruskan instrumen tersebut. Kumpulan dan Koperasi mengelaskan semua aset-aset kewangannya untuk diukur sama ada pada kos terlunas, nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI"), atau nilai saksama melalui penyata pendapatan ("FVTPL").

Untuk menentukan pengelasan dan seterusnya mengukur aset kewangan, Kumpulan dan Koperasi perlu menilai sama ada aliran tunai kontraktual adalah bayaran pokok dan faedah semata-mata ("SPPI"), di atas amaun prinsipal yang tertunggak. Penilaian ini dirujukkan sebagai ujian SPPI dan dilakukan pada tahap instrumen. Kumpulan dan Koperasi juga perlu menilai model perniagaan mereka untuk menguruskan aset kewangan merujuk kepada bagaimana ia menguruskan aset-aset kewangannya untuk menghasilkan aliran tunai. Model perniagaan yang akan menentukan sama ada aliran tunai akan terhasil dari pengumpulan aliran tunai kontraktual, jualan aset kewangan, atau kedua-duanya.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(h) Aset kewangan (bersambung)

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (bersambung)

(i) Aset kewangan pada kos terlunas

Kumpulan dan Koperasi mengukur aset kewangan pada kos terlunas jika kedua-dua syarat-syarat berikut dipenuhi:

- Terma-terma kontrak aset kewangan tersebut yang timbul pada tarikh-tarikh yang ditetapkan untuk aliran tunai SPPI, atas amaun prinsipal yang tertunggak; dan
- Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan bertujuan untuk memegang aset kewangan bagi mengumpul aliran tunai kontraktual.

Aset kewangan pada kos terlunas kemudiannya diukur menggunakan kaedah faedah efektif ("EPR") dan tertakluk kepada rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset itu dinyahiktiraf, diubah atau dirosot nilai.

Aset-aset Kumpulan dan Koperasi pada kos terlunas adalah termasuk baki tunai dan bank, deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan, pembiayaan dan pendahuluan, lain-lain penghutang dan deposit berkanun dengan SKM.

(ii) Instrumen hutang pada FVOCI

Kumpulan dan Koperasi menggunakan kategori baru di bawah MFRS 9 instrumen hutang yang diukur pada FVOCI apabila kedua-dua syarat-syarat berikut dipenuhi:

- Terma-terma kontrak aset kewangan tersebut memenuhi ujian SPPI; dan
- Instrumen tersebut dipegang dalam model perniagaan, dengan objektif yang dicapai melalui pengumpulan aliran tunai berkontrak dan jualan aset kewangan.

Instrumen-instrumen hutang FVOCI kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian yang timbul disebabkan oleh perubahan nilai saksama diiktiraf dalam OCI. Pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian matawang asing diiktiraf dalam untung atau rugi dengan cara yang sama seperti aset kewangan pada kos terlunas. Semasa penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian terkumpul diiktiraf sebelum ini dalam OCI dikelaskan semula daripada OCI kepada penyata pendapatan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(h) Aset kewangan (bersambung)

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya (bersambung)

(iii) Instrumen ekuiti pada FVOCI

Semasa pengiktirafan awal, Kumpulan dan Koperasi boleh memilih untuk mengelaskan pelaburan ekuiti sebagai instrumen ekuiti yang ditetapkan pada FVOCI, apabila ia memenuhi definisi ekuiti di bawah MFRS 132 instrumen kewangan: Pembentangan dan tidak dipegang untuk dagangan. Pengelasan ditentukan berdasarkan dasar instrumen dengan instrumen.

Keuntungan dan kerugian ke atas aset-aset kewangan tersebut tidak akan dikitar semula kepada penyata pendapatan. Dividen diiktiraf sebagai lain-lain pendapatan dalam penyata untung atau rugi apabila hak pembayaran telah diwujudkan, kecuali apabila Kumpulan dan Koperasi mendapat manfaat daripada hasil tersebut sebagai pemulihan sebahagian daripada kos aset kewangan tersebut, di mana, keuntungan tersebut akan direkodkan dalam OCI. Instrumen ekuiti yang ditetapkan pada FVOCI adalah tidak tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

Instrumen-instrumen ini sebahagian besarnya terdiri daripada pelaburan kewangan ekuiti yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan tersedia untuk dijual di bawah MFRS 139. Kumpulan dan Koperasi telah memilih secara muktamad untuk mengelaskan instrumen-instrumen ekuiti ini pada FVOCI di bawah MFRS 9.

Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila:

- (i) Hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempohnya;
- (ii) Kumpulan dan Koperasi telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan atau telah menanggung kewajiban untuk membayar sepenuhnya aliran tunai yang diterima tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah pengaturanan "serah semula";
- (iii) Kumpulan dan Koperasi telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan; atau
- (iv) Kumpulan dan Koperasi tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset kewangan, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset kewangan.

Apabila Kumpulan dan Koperasi memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada sesuatu aset kewangan atau membuat pengaturanan "serah semula", tetapi tidak memindahkan mahupun mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset serta tidak memindahkan kawalan terhadap aset, aset kewangan itu diiktiraf selagi terdapat penglibatan terusan Kumpulan dan Koperasi dalam aset kewangan tersebut. Dalam hal ini, Kumpulan dan Koperasi juga mengiktirafkan liabiliti kewangan yang berkaitan. Pemindahan aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan diukur pada asas yang mencerminkan hak-hak dan kewajiban-kewajiban yang dikekalkan oleh Kumpulan dan Koperasi.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(h) Aset kewangan (bersambung)

Hapus kira

Sekiranya pembiayaan atau pendahuluan tidak dapat ditagih, ia dihapuskan terhadap peruntukan rosot nilai pinjaman yang berkaitan. Pembiayaan dan pendahuluan tersebut dihapuskan setelah prosedur yang diperlukan selesai dan jumlah kerugian telah ditentukan. Pemulihan berikutnya dari jumlah yang dihapuskan sebelumnya diiktiraf dalam untung rugi.

Rosot nilai aset kewangan

Kumpulan dan Koperasi telah merekodkan elaun bagi ECL bagi semua aset kewangan yang diukur pada kos terlunas yang merangkumi pembiayaan dan pendahuluan, instrumen-instrumen hutang yang diukur pada FVOCI dan komitmen pinjaman dengan pilihan yang tidak boleh dibatalkan. Instrumen ekuiti yang diukur pada FVOCI adalah tidak tertakluk kepada rosot nilai di bawah MFRS 9.

Elaun ECL adalah berdasarkan kerugian kredit dijangka yang akan timbul sepanjang hayat guna aset tersebut (ECL sepanjang hayat), kecuali jika terdapat tiada peningkatan ketara risiko kredit sejak pengiktirafan awal, di mana, elaun adalah berdasarkan 12 bulan ECL. Elaun ECL dikira secara kolektif.

Pengukuran kerugian dijangka akan melibatkan peningkatan kerumitan dan pertimbangan yang termasuk:

- **Penentuan peningkatan ketara risiko kredit sejak pengiktirafan awal**

Penilaian terhadap kemerosotan ketara sejak pengiktirafan awal adalah kunci dalam mewujudkan titik pertukaran antara keperluan untuk mengukur elaun berdasarkan 12 bulan ECL atau berdasarkan ECL sepanjang hayat. Penilaian kuantitatif dan kualitatif diperlukan untuk menganggarkan peningkatan ketara risiko kredit dengan membandingkan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset kewangan pada tarikh pengiktirafan awal. Kumpulan dan Koperasi menggunakan pendekatan umum tiga peringkat berdasarkan perubahan kualiti kredit sejak pengiktirafan awal bagi pembiayaan dan pendahuluan.

Untuk lain-lain aset kewangan, Kumpulan dan Koperasi menggunakan pendekatan yang mudah dalam pengiraan ECL. Oleh yang demikian, Kumpulan dan Koperasi tidak mengesan perubahan dalam risiko kredit, tetapi sebaliknya mengiktiraf elaun kerugian berdasarkan jangka hayat ECL pada setiap tarikh pelaporan.

Pendekatan 3 Peringkat	Peringkat 1 Tidak-terjejas	Peringkat 2 Kurang-terjejas	Peringkat 3 Terjejas
Pendekatan ECL	12 bulan ECL	ECL sepanjang hayat	ECL sepanjang hayat
Kriteria	Tiada kenaikan ketara dalam risiko kredit	Risiko kredit meningkat dengan ketara	Kredit terjejas
Pendapatan faedah berdasarkan	Jumlah bawaan kasar	Jumlah bawaan kasar	Jumlah bawaan bersih

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(h) Aset kewangan (bersambung)

Rosot nilai aset kewangan (bersambung)

- **Pengukuran ECL**

Terdapat tiga komponen utama untuk mengukur ECL yang merupakan Model Kebarangkalian Dimungkir ("PD"), Model Kemungkiran Yang Diberikan ("LGD") dan Model Pendedahan Dimungkir ("EAD"). Model ini bersandarkan kepada seberapa banyak yang mungkin terhadap model rosot nilai sedia ada Kumpulan dan Koperasi dan proses pengurusan risiko kredit dan melaksanakan pelarasan yang diperlukan untuk menghasilkan model yang berlandaskan MFRS 9.

MFRS 9 tidak membezakan antara penilaian individu dan penilaian kolektif. Oleh yang demikian, Kumpulan dan Koperasi memutuskan untuk terus mengukur kerugian secara kolektif.

Apabila menganggarkan ECL tersebut, Kumpulan dan Koperasi mempertimbangkan tiga senario (kes asas, kenaikan dan penurunan). Setiap daripada senario ini adalah berkaitan dengan PD yang berbeza.

- **Hayat dijangka**

Kerugian kredit dijangka sepanjang hayat mesti diukur sepanjang hayat yang dijangka. Ini terhad kepada hayat kontrak maksimum dan mengambil kira bayaran terdahulu yang dijangka.

- **Maklumat ke hadapan**

Dalam model ECL Kumpulan dan Koperasi, Kumpulan dan Koperasi telah mempertimbangkan pelbagai jenis maklumat ke hadapan. Maklumat ke hadapan yang munasabah dan mempunyai sokongan adalah berdasarkan sumber-sumber yang sedia ada di Koperasi ini. Di samping itu, andaian dan analisis akan berdasarkan kepada pengumpulan data ekonomi makro yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti, tetapi tidak terhad kepada pengawal selia, kerajaan dan organisasi penyelidikan sendiri. Dalam model ECL, Kumpulan dan Koperasi bergantung kepada maklumat ke hadapan, seperti berikut:

- i. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK");
- ii. Indeks Komposit Kuala Lumpur ("KLCI"); dan
- iii. Indeks Harga pengguna

Input-input dan model-model yang digunakan mungkin tidak sentiasa mengambilkira semua ciri-ciri pasaran. Untuk menunjukkan perubahan ini, pelarasan kualitatif atau bertindih kadangkala dibuat sebagai pelarasan sementara apabila terdapat perbezaan yang sangat ketara.

- **Instrumen hutang pada FVOCI**

ECL bagi instrumen-instrumen hutang yang diukur pada FVOCI tidak mengurangkan nilai bawaan aset-aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangan, yang kekal pada nilai saksama. Sebaliknya, suatu amaun yang bersamaan dengan elaun yang akan timbul jika aset tersebut diukur pada kos terlunas diiktirafkan dalam OCI sebagai amaun rosot nilai terkumpul, dengan caj yang sama ke untung atau rugi. Kerugian terkumpul yang diiktiraf dalam OCI adalah dikitar semula ke penyata pendapatan semasa penyahiktirafan aset tersebut. Kumpulan dan Koperasi tidak mempunyai instrumen hutang pada FVOCI pada 31 Disember 2019.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(i) Liabiliti kewangan

Tarikh pengiktirafan

Semua liabiliti kewangan pada awalnya diiktiraf pada tarikh urus niaga iaitu tarikh Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak terlibat dengan peruntukan kontrak instrumen berkaitan. Ini termasuk cara biasa dagangan: belian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang biasanya ditentukan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

Pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS 9, diklasifikasikan berdasarkan kandungan pengaturan berkontrak yang telah dimeterai dan definisi liabiliti kewangan. Semua liabiliti kewangan diukur pada awalnya pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung, kecuali dalam kes liabiliti kewangan pada FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan di FVTPL atau liabiliti kewangan pada kos terlunas.

(i) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui penyata pendapatan ("FVTPL")

Pada masa ini, Kumpulan dan Koperasi tidak mempunyai sebarang liabiliti kewangan di FVTPL.

(ii) Liabiliti kewangan pada kos terlunas

Liabiliti kewangan bagi Kumpulan dan Koperasi pada kos terlunas termasuk deposit daripada ahli, pemiutang perdagangan, lain-lain pemiutang dan pinjaman.

Pemiutang dagangan dan pemiutang-pemiutang lain pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Deposit dari ahli dan pinjaman diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas ditolak kos transaksi dan seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Simpanan anggota dan pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan dan Koperasi mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Liabiliti-liabiliti lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bagi pertimbangan yang akan dibayar pada masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama mengikut syarat-syarat berlainan yang ketara, atau terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya diubah suai, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baharu. Perbezaan di antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(j) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk jualan aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi tersusun antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Ukuran nilai saksama berdasarkan andaian bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran prinsipal bagi aset atau liabiliti; atau
- Dalam ketiadaan pasaran prinsipal, dalam pasaran paling baik untuk aset atau liabiliti tersebut.

Pasaran prinsipal atau pasaran yang paling memanfaatkan mestilah boleh diakses oleh Kumpulan dan Koperasi.

Nilai saksama aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakannya apabila menetapkan harga aset atau liabiliti tersebut, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak dalam kepentingan ekonomi terbaik untuk mereka.

Pengukuran nilai saksama bagi aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset sebaik mungkin atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset itu sebaik mungkin.

Kumpulan dan Koperasi menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang relevan dan meminimumkan penggunaan input tidak dapat dikaji.

Kesemua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, digambarkan sebagai yang berikut, berdasarkan input tahap terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1 - harga pasaran disebut (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa.
- Tahap 2 - teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama dikaji secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3 - teknik penilaian yang mana input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama tidak dikaji.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan pada asas berulang, Kumpulan dan Koperasi menentukan sama ada pindahan berlaku antara peringkat hierarki nilai saksama dengan menilai semula pengelasan (berdasarkan input paling rendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Nilai saksama bagi instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada tarikh laporan adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga (harga tawaran untuk kedudukan panjang dan harga meminta untuk kedudukan pendek), tanpa sebarang penolakan untuk kos urus niaga.

Bagi instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif, nilai saksama ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian yang sesuai. Teknik penilaian termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun, perbandingan dengan instrumen serupa yang mana harga pasaran boleh diperhatikan, model harga opsyen, model kredit dan model lain yang berkaitan.

Untuk tujuan pendedahan nilai saksama, Kumpulan dan Koperasi telah menentukan kelas aset dan liabiliti berdasarkan sifat, ciri-ciri dan risiko aset dan liabiliti dan tahap hierarki nilai saksama seperti yang dijelaskan di atas.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(k) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata kedudukan kewangan meliputi tunai di bank serta baki tunai. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai, terdiri daripada tunai yang dimaksudkan di atas, deposit dan penempatan dengan institusi kewangan dengan kematangan asal kurang dari 3 bulan dengan risiko perubahan tidak ketara dalam nilai, ditolak dengan overdraf bank yang merupakan sebahagian daripada pengurusan tunai Kumpulan.

(l) Aset-aset lain

Aset-aset ini ditentukan berdasarkan nilai yang boleh diperolehi. Hutang lapuk dihapuskan setelah dikenalpasti. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan kajian ke atas baki tertunggak pada tarikh pelaporan.

(m) Rosot nilai aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan untuk memastikan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Sekiranya terdapat tanda sebegini, atau apabila ujian rosot nilai tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan dan Koperasi menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan. Jumlah aset yang boleh dipulihkan adalah nilai saksama ditolak kos jualan atau nilai kegunaannya yang mana lebih tinggi bagi sesuatu aset atau unit penjana tunai ("CGU"). Sekiranya jumlah aset atau CGU melebihi jumlah boleh dipulihkan, aset dianggap sebagai rosot nilai dan diturunkan nilainya kepada jumlah boleh dipulihkan.

Bagi penilaian nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai wang dan risiko yang khusus kepada aset. Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, transaksi pasaran semasa diambil kira. Sekiranya tiada transaksi seumpama itu boleh dikenal pasti, model penilaian yang bersesuaian digunakan. Pengiraan ini disokong oleh penilaian berganda, sebut harga saham syarikat awam atau petunjuk nilai saksama yang boleh diperolehi.

Bagi aset-aset selain muhibah, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang tanda kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya tidak lagi wujud atau mungkin berkurangan. Sekiranya ada tanda sedemikian, Kumpulan dan Koperasi menganggarkan jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset atau CGU tersebut. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya apabila terdapat perubahan andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah aset yang boleh dipulihkan sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad supaya jumlah bawaan aset tidak juga melebihi jumlah yang boleh dipulihkan, dan tidak melebihi jumlah bawaan yang ditentukan setelah ditolak susut nilai atau pelunasan, seandainya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(n) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Koperasi mempunyai kewajipan semasa yang perlu ditunaikan (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu dan ini memungkinkan pengeluaran sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menunaikan kewajipan tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Apabila Kumpulan dan Koperasi menjangkakan sebahagian atau semua peruntukan dibayar semula, sebagai contoh, di bawah kontrak insurans, pembayaran semula adalah diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran semula adalah dipastikan. Perbelanjaan berkaitan dengan peruntukan ditolak sebarang bayaran balik yang dibentangkan dalam penyata pendapatan.

Jika kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan didiskaunkan menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang mencerminkan, apabila sesuai, risiko khusus terhadap liabiliti. Apabila pendiskaunan digunakan, sebarang peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(o) Pajakan

Mulai 1 Januari 2019, Kumpulan dan Koperasi menggunakan piawaian pelaporan yang baru untuk Pajakan, MFRS 16. Semua pajakan, kecuali bagi aset jangka pendek dan aset nilai rendah diiktiraf sebagai manfaat penggunaan aset-aset dengan liabiliti-liabiliti pajakan yang sama pada tarikh aset pajakan boleh digunakan oleh Kumpulan dan Koperasi. Kumpulan dan Koperasi telah memilih untuk mengiktiraf pembayaran bagi pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah mengikut kaedah asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

Kumpulan dan Koperasi memilih untuk menggunakan praktikal manfaat di mana pada permulaan pajakan, liabiliti pajakan adalah bersamaan dengan nilai semasa bayaran pajakan masa depan, dan manfaat penggunaan aset-aset sama dengan liabiliti-liabiliti pajakan, dilaraskan dengan bayaran yang telah dibuat; insentif pajakan, kos langsung awal dan peruntukan bagi kos untuk menghapuskan atau membaikpulih aset tersebut.

Bayaran pajakan dibahagikan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Perbelanjaan faedah dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan. Manfaat penggunaan aset-aset disusutnilai mengikut jangka masa yang lebih singkat diantara tempoh hayat dan terma pajakan pada asas garis lurus.

Portfolio pajakan bagi Kumpulan dan Koperasi terdiri daripada sewa bangunan dan aset-aset lain seperti peralatan teknologi maklumat.

Penerimaan pakai MFRS 16 tidak mempunyai impak kewangan sedia ada yang ketara ke atas Kumpulan dan Koperasi yang mana kedua-duanya ialah merupakan pemberi pajak.

(i) Pengelasan (sebelum 1 Januari 2019)

Pajakkan dikelaskan sebagai pajakkan kewangan sekiranya ia memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pegangan hak milik kepada Kumpulan. Pajakkan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakkan operasi atau kewangan dengan cara yang sama seperti pajakkan aset-aset lain dan elemen tanah dan bangunan untuk pajakkan tanah dan bangunan dikelaskan secara berasingan untuk tujuan pengelasan pajakkan.

(ii) Pajakkan kewangan - sebagai pemajak (sebelum 1 Januari 2019)

Aset-aset yang diperoleh secara pajakkan kewangan dinyatakan pada jumlah setara kepada nilai saksama terendah dan nilai minimum semasa bayaran pajakkan pada awal pemajakan ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Liabiliti berkaitan dimasukkan sebagai pinjaman dalam penyata kewangan. Dalam mengira nilai semasa pembayaran minimum pajakkan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang dikenakan dalam pajakkan, apabila didapati praktikal untuk ditentukan; jika tidak, kadar kenaikan pinjaman Kumpulan atau Koperasi akan digunakan. Sebarang kos langsung awal juga ditambah ke dalam jumlah bawaan aset berkenaan.

Bayaran pajakkan dibahagikan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajakkan dan nilai saksama aset-aset pajakkan, diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh pajakkan yang relevan untuk menghasilkan tempoh berkala kadar caj yang tetap terhadap baki yang diwajibkan bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi penyusutan bagi aset-aset pajakkan adalah berdasarkan pada susut nilai hartanah dan peralatan seperti mana yang dijelaskan dalam Nota 2.4 (e).

(iii) Pajakkan operasi - sebagai pemberi pajak

Aset-aset yang diberi pajak di bawah pajakkan operasi dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan mengikut keadaan semula jadi aset-aset berkenaan. Pendapatan sewa daripada pajakkan operasi diiktiraf pada asas garis lurus dalam tempoh pajakkan. Kos langsung awal yang ditanggung ketika perundingan dan penyediaan pajakkan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakkan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(o) Pajakan (bersambung)

(iv) Pajakan operasi - sebagai pemajak

Sebelum 1 Januari 2019

Bagi pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan minimum atau bayaran pendahuluan akan dibahagikan apabila perlu, antara elemen tanah dan bangunan selari dengan nilai saksama relatif bagi faedah pegangan pajakan dalam elemen tanah dan bangunan pajakan tersebut semasa permulaan pajakan. Bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan prabayar dan dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai satu perbelanjaan di atas asas garis lurus terhadap tempoh pajakan yang berkenaan. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

Pada 1 Januari 2019

Dengan pelaksanaan MFRS 16 Pajakan pada 1 Januari 2019, pemajak diminta untuk melakukan penilaian manfaat penggunaan aset terhadap semua pajakan sama ada ia dicatatkan sebagai salah satu model kunci kira-kira tunggal atau diiktiraf dalam penyata pendapatan. Perakaunan pajakan adalah seperti berikut:

(a) Manfaat Penggunaan Aset-aset ("ROU")

Pada permulaan kontrak, Kumpulan dan Koperasi menilai sama ada kontrak itu adalah, atau mengandungi, perjanjian pajakan dimana jika kontrak tersebut memberi hak kepada pengguna ("pemajak") untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti untuk suatu jangka masa sebagai pertukaran untuk pertimbangan. Sekiranya kontrak mengandungi lebih daripada satu komponen pajakan, atau gabungan transaksi pajakan dan perkhidmatan, pertimbangan diberikan kepada setiap komponen pajakan dan bukan pajakan ini dengan kesimpulan dan pada setiap pengukuran semula kontrak berikutnya berdasarkan harga jualan tersendiri. Kumpulan dan Koperasi menggabungkan komponen pajakan dan bukan pajakan, dalam kes di mana pemisahan komponen bukan pajakan tidak mungkin dilakukan.

Kumpulan dan Koperasi mengiktiraf manfaat penggunaan aset-aset pada tarikh permulaan pajakan (tarikh aset sandaran sedia untuk digunakan). Manfaat penggunaan aset-aset diukur pada kos, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, dan dilaraskan dengan sebarang pengukuran semula liabiliti pajakan. Kos manfaat penggunaan aset-aset merangkumi jumlah liabiliti pajakan yang dilaraskan dengan sebarang pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan, ditambah dengan kos langsung awal yang timbul dan anggaran kos untuk rombakan dan menghapuskan aset sandaran atau untuk memulihkan aset sandaran atau tapak di mana ia berada, ditolak insentif sewa yang diterima. Tempoh pajakan merangkumi tempoh dengan pilihan untuk disambung sekiranya Kumpulan dan Koperasi cukup yakin untuk melaksanakan pilihan tersebut. Melainkan jika Kumpulan dan Koperasi cukup yakin untuk memperoleh pemilikan aset yang disewa pada akhir tempoh pajakan, manfaat penggunaan aset-aset yang diiktiraf disusut nilai pada asas garis lurus di antara jangka hayat dan tempoh pajakan yang mana lebih pendek. Manfaat penggunaan aset-aset tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(o) Pajakan (bersambung)

(iv) Pajakan operasi - sebagai pemajak (bersambung)

(b) Liabiliti-liabiliti pajakan

Pada tarikh permulaan pajakan, Kumpulan dan Koperasi mengiktiraf liabiliti pajakan yang diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang akan dibuat sepanjang tempoh pajakan. Bayaran pajakan merangkumi pembayaran tetap (termasuk dasar pembayaran tetap) ditolak insentif pajakan yang diterima, pembayaran pajakan berubah yang bergantung pada indeks atau kadar, dan jumlah yang dijangkakan akan dibayar di bawah nilai sisa terjamin. Pembayaran pajakan juga merangkumi harga pelaksanaan opsyen pembelian yang mungkin pasti akan dilaksanakan oleh Kumpulan dan Koperasi dan pembayaran penalti untuk menamatkan pajakan, jika jangka masa pajakan mencerminkan Kumpulan dan Koperasi melaksanakan pilihan untuk menamatkan. Pembayaran pajakan berubah yang tidak bergantung pada indeks atau kadar diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana peristiwa atau keadaan yang mencetuskan pembayaran itu berlaku.

Dalam mengira nilai pembayaran pajakan semasa, Kumpulan dan Koperasi menggunakan kadar kenaikan pinjaman pada tarikh permulaan pajakan kerana kadar faedah yang tersirat dalam pajakan tidak dapat ditentukan dengan mudah. Selepas tarikh permulaan, jumlah liabiliti sewa dinaikkan untuk menunjukkan penambahan faedah dan dikurangkan untuk pembayaran pajakan yang dibuat. Di samping itu, nilai dibawa liabiliti pajakan diukur semula sekiranya terdapat pengubahsuaian, perubahan dalam jangka masa pajakan, perubahan dalam pembayaran sewa tetap substansi atau perubahan dalam penilaian untuk membeli aset sandaran.

(c) Pertimbangan penting dalam menentukan jangka masa kontrak dengan pilihan pembaharuan

Kumpulan dan Koperasi menentukan jangka masa pajakan sebagai jangka masa pajakan yang tidak dapat dibatalkan, bersama dengan mana-mana tempoh yang merangkumi pilihan untuk menyambung tempoh pajakan jika cukup wajar dilaksanakan, atau tempoh yang merangkumi pilihan untuk menamatkan pajakan, jika sudah pasti ianya tidak dapat dilaksanakan.

Kumpulan dan Koperasi mempunyai pilihan, di bawah beberapa pajakannya untuk memajak aset bagi jangka masa tambahan tiga hingga lima tahun. Kumpulan dan Koperasi menggunakan pertimbangan dalam menilai sama ada wajar untuk melaksanakan pilihan untuk memperbaharui kontrak. Bermaksud, ia mempertimbangkan semua faktor relevan yang menimbulkan insentif ekonomi untuk memperbaharui perjanjian pajak tersebut. Selepas tarikh permulaan, Kumpulan dan Koperasi menilai semula jangka masa pajakan jika terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang berada di dalam kawalannya dan mempengaruhi kemampuannya untuk melaksanakan (atau tidak menjalankan) pilihan untuk memperbaharui (contohnya seperti perubahan strategi perniagaan).

Kumpulan dan Koperasi telah menggunakan praktikal manfaat berikut yang dibenarkan oleh piawaian untuk pajakan:

(i) Pajakan dengan tempoh pajakan 12 bulan atau lebih pendek:

Kumpulan dan Koperasi menggunakan pengecualian pengiktirafan pajakan jangka pendek kepada pajakan jangka pendeknya yang mempunyai jangka masa pajakan 12 bulan atau kurang dari tarikh permulaan yang tidak mempunyai pilihan klausa pajakan boleh diperbaharui dan pilihan pembelian.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(o) Pajakan (bersambung)

(iv) Pajakan operasi - sebagai pemajak (bersambung)

(c) Pertimbangan penting dalam menentukan jangka masa kontrak dengan pilihan pembaharuan (bersambung)

(ii) Pajakan untuk aset bernilai rendah yang kurang daripada RM20,000; dan

Kumpulan dan Koperasi juga menggunakan pengecualian pengiktirafan aset bernilai rendah untuk pajakan aset yang dianggap bernilai rendah dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(iii) Pajakan dengan pembayaran pajakan berubah

Pembayaran pajakan berubah bagi Kumpulan dan Koperasi tidak mengandungi komponen sewa tetap dalam klausa kontrak.

Kumpulan dan Koperasi mengiktiraf bayaran pajakan, apabila berlaku, dalam penyata pendapatan untuk pajakan yang tidak memenuhi penilaian ROU dan yang mana ia telah menggunakan pengecualian yang dibenarkan oleh piawaian.

(p) Kontrak insurans

Koperasi mengeluarkan kontrak kepada ahli-ahlinya yang memindahkan risiko insurans, risiko kewangan atau gabungan kedua-duanya. Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko ketara. Kontrak insurans merupakan kontrak yang di dalamnya menyatakan bahawa Koperasi bersetuju menerima risiko ketara insurans daripada pihak lain (ahli-ahli) dengan persetujuan untuk membayar ganti rugi kepada pihak berkenaan apabila berlaku sesuatu perkara tertentu yang tidak pasti pada masa depan (peristiwa yang diinsuranskan seperti kematian) yang menjejaskan ahli.

(i) Liabiliti premium

Liabiliti premium mewakili tanggungan masa depan kontrak insurans yang diwakili oleh penerimaan premium terhadap risiko yang belum tamat tempoh. Pergerakan liabiliti premium dilepaskan berdasarkan terma kontrak insurans dan diiktiraf sebagai pendapatan premium.

(ii) Rizab premium belum diperoleh ("UPR")

UPR mewakili sebahagian pendapatan premium bersih polisi insurans bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat sijil pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan UPR pada tarikh pelaporan, kaedah yang paling tepat untuk menggambarkan premium belum diperoleh sebenar digunakan. Semua sijil diagihkan mengikut masa sepanjang tempoh risiko.

(iii) Liabiliti tuntutan

Liabiliti tuntutan mewakili obligasi Kumpulan, sama ada kontrak atau sebaliknya, untuk membuat pembayaran masa depan berhubung dengan semua tuntutan yang ditanggung pada tarikh pelaporan. Liabiliti tuntutan adalah anggaran kos semua tuntutan yang ditanggung tetapi tidak diselesaikan pada tarikh pelaporan, sama ada dilaporkan ataupun tidak, bersama dengan kos pengendalian tuntutan yang berkaitan dan pemulihan lain.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(q) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Koperasi. Pampasan bagi ketidakhadiran jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila kakitangan telah berkhidmat sehingga bertambahnya hak kepada pampasan ketidakhadiran pada masa depan dan pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit, diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran.

(ii) Pelan caruman ditentukan

Pelan caruman ditentukan adalah pelan manfaat selepas pekerjaan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan atau dana dan tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

(iii) Pelan manfaat ditentukan

Koperasi mengendalikan pelan manfaat yang tidak ditabungkan, Skim Manfaat Persaraan ("Skim"), untuk pekerja mereka yang layak. Kewajipan Koperasi di bawah skim ini ditentukan berdasarkan penilaian aktuari di mana jumlah manfaat yang diperolehi oleh kakitangan sebagai manfaat bagi perkhidmatan mereka dalam tahun semasa dan tahun sebelumnya dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaun menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit untuk menentukan nilai semasanya. Kaedah ini membuat anggaran mengenai kos muktamad yang boleh dipercayai kepada entiti, iaitu manfaat yang diperolehi oleh pekerja sebagai balasan untuk perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelum ini. Nilai saksama pelan aset bagi skim yang dibiayai ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan. Kadar diskaun adalah hasil pasaran pada tarikh pelaporan ke atas bon korporat berkualiti tinggi atau bon kerajaan.

Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sepenuhnya dalam tempoh bila mana ia berlaku dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan dan kerugian aktuari tidak diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan pada tempoh berikutnya. Kos perkhidmatan masa lalu diiktiraf serta merta setakat mana manfaat telah diletak hak dan ataupun dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat yang dipinda menjadi terletak hak.

Jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan mewakili nilai semasa pelan manfaat ditentukan ditolak kos perkhidmatan masa lalu yang tidak diiktiraf, dikurangkan oleh nilai saksama aset pelan. Nilai aset manfaat yang diiktiraf adalah terhad kepada jumlah kos perkhidmatan masa lalu yang tidak diiktiraf dan nilai semasa manfaat ekonomi yang tersedia dalam bentuk pulangan daripada pelan atau pengurangan caruman rancangan di masa hadapan.

(r) Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Deposit berkanun dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM") terdiri daripada sumbangan yang dibuat oleh Koperasi kepada Kumpulan Wang Likuiditi Pusat SKM pada kadar tidak lebih daripada tiga peratus daripada tanggungan yang layak bertujuan untuk menyediakan bantuan kecairan dengan cara pemberian pinjaman mengikut Akta Koperasi 1993 kepada koperasi-koperasi yang mengalami kekurangan mudah tunai yang di luar jangkaan.

Pada masa ini, kadar caruman yang ditetapkan kepada Koperasi adalah satu peratus daripada jumlah modal saham, modal yuran dan deposit dari anggota.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(s) Cukai pendapatan dan cukai tertunda dan zakat

(i) Cukai semasa

Cukai aset dan liabiliti semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan diperolehi semula daripada ataupun dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai semasa yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti.

(ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kerugian cukai tidak digunakan, kredit cukai tidak digunakan, sehingga pada tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai dimana perbezaan sementara boleh ditolak, kredit cukai yang belum digunakan dan kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul dari muhibah atau muhibah negatif atau pengiktirafan awal transaksi aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi berlaku, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan percukaian.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh laporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut, kecuali apabila ia timbul daripada urusiaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, di mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah yang terhasil atau jumlah sebarang lebihan kepentingan pemerolehi dalam nilai saksama bersih aset dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka ke atas kos gabungan.

(iii) Zakat

Ia mewakili zakat perniagaan dibayar oleh Kumpulan dan Koperasi selaras dengan prinsip-prinsip Syariah dan diluluskan oleh Penasihat Syariah Kumpulan dan Koperasi.

(t) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dan perbelanjaan bagi kesemua instrumen kewangan diukur pada kos pelunasan dan aset kewangan berfaedah dikelaskan sebagai ("FVOCI") dan ("FVTPL") diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah keuntungan efektif ("EPR").

Setelah nilai aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang serupa direkodkan telah berkurangan disebabkan oleh kerugian rosot nilai, pendapatan terus diiktiraf dengan menggunakan kadar keuntungan yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian rosot nilai. Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf berasaskan akruan.

(u) Pengiktirafan kos kewangan

(i) Hibah ke atas deposit dari anggota

Ia merupakan keuntungan yang dibayar ke atas akaun simpanan ahli. Perbelanjaan ini dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

(ii) Perbelanjaan pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.4 Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (bersambung)

(v) Hasil daripada Kontrak-kontrak dengan Pelanggan

Hasil daripada kontrak-kontrak dengan pelanggan dikenalpasti apabila kawalan ke atas barang-barang atau perkhidmatan dipindahkan kepada pelanggan pada jumlah amaun yang menunjukkan pertimbangan di mana Kumpulan dan Koperasi dijangka berhak ke atas pertukaran barangan atau perkhidmatan tersebut. Kumpulan dan Koperasi secara umumnya menyimpulkan bahawa mereka adalah ejen dalam urusan hasil tersebut, kerana mereka tidak mengawal barangan atau perkhidmatan sebelum memindahkannya kepada pelanggan.

(w) Lain-lain pendapatan

(i) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila wujudnya hak Kumpulan untuk menerima bayaran.

(ii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berasaskan akrual sepanjang tempoh pajakan.

(x) Instrumen Ekuiti

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan faedah sisa dalam aset Kumpulan dan Koperasi selepas ditolak semua liabilitinya.

(i) Modal Saham

Modal saham direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal saham diklasifikasikan sebagai ekuiti.

(ii) Modal Yuran

Modal yuran direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal yuran diklasifikasikan sebagai ekuiti.

(iii) Dividen

Dividen ke atas modal saham dan modal yuran diiktiraf dan direkodkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian kritikal perakaunan

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap aplikasi polisi dan jumlah yang dilaporkan dalam pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangkaan pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset atau liabiliti yang terjejas pada masa akan datang.

Dalam proses menggunakan dasar perakaunan Kumpulan dan Koperasi, pengurusan telah membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian kritikal perakaunan (bersambung)

(a) Kerugian rosot nilai aset kewangan

Pengukuran kerugian rosot nilai di bawah kedua-dua MFRS 9 meliputi semua kategori aset kewangan dan memerlukan pertimbangan, anggaran jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan, khususnya, tinjauan ekonomi makro dan cagaran nilai-nilai apabila menentukan peruntukan rosot nilai dan penilaian peningkatan ketara risiko kredit. Anggaran ini didorong oleh beberapa faktor, perubahan yang boleh menyebabkan tahap elaun yang berbeza.

(i) Elaun untuk rosot nilai pembiayaan dan pendahuluan

Semua pembiayaan dan pendahuluan akan terus dinilai secara kolektif dalam kumpulan aset yang mempunyai ciri risiko kredit yang sama tetapi berdasarkan pendekatan ECL. Pengiraan ECL Kumpulan dan Koperasi adalah output model rosot nilai dengan beberapa andaian asas mengenai pemilihan pembolehubah input dan ketidakbergantungannya. Elemen-elemen daripada model-model ECL yang dianggap anggaran dan pertimbangan perakaunan adalah termasuk:

- Kriteria untuk menilai sekiranya berlaku peningkatan ketara risiko kredit dan samaada elaun bagi aset kewangan harus diukur pada asas ECL sepanjang hayat;
- Segmen aset kewangan apabila ECL dinilai secara kolektif;
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai formula dan pemilihan input;
- Penentuan keberkaitan antara senario ekonomi makro dan input ekonomi dan kesan ke atas PD, LGD dan EAD; dan
- Pilihan senario ekonomi makro ke hadapan dan kebarangkalian berwajarannya untuk memperoleh input ekonomi ke dalam model ECL.

Kerugian rosot nilai ke atas pembiayaan dan pendahuluan dinyatakan dengan lebih terperinci dalam Nota 29.

(ii) Rosot nilai portfolio pelaburan kewangan

Instrumen-instrumen hutang yang diukur pada FVOCI tertakluk kepada rosot nilai di bawah pendekatan ECL.

(b) Anggaran nilai saksama bagi aset kewangan FVTPL dan FVOCI

Nilai saksama aset kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif ditentukan dengan merujuk kepada harga tawaran pasaran disebut pada penutupan perniagaan pada tarikh pelaporan. Aset kewangan pada FVOCI yang nilai saksamanya tidak didagangkan dalam pasaran aktif dinilai pada kos tolak kerugian penurunan nilai.

(c) Penilaian pelaburan hartanah

Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan menggunakan Kaedah Perbandingan. Kaedah ini berdasarkan pada konsep bahawa bakal penjual akan mengharapkan hartanah mereka mendapat harga yang sama seperti yang dibayar untuk hartanah serupa di tempat itu. Ia melibatkan analisa dan perbandingan jualan terkini untuk hartanah yang setanding atau serupa di kawasan itu dan membuat elaun yang sewajarnya untuk semua perbezaan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

2. Dasar-dasar Perakaunan (bersambung)

2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian kritikal perakaunan (bersambung)

(d) Rosot nilai pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu

Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan. Sekiranya tanda-tanda itu wujud, amaun boleh dipulihkan bagi pelaburan-pelaburan ini dianggarkan. Penilaian rosot nilai ini meliputi perbandingan jumlah bawaan dan anggaran jumlah pelaburan boleh dipulihkan.

(e) Pelan manfaat ditentukan

Kos untuk pelan manfaat ditentukan dan manfaat selepas pekerjaan ditentukan melalui penilaian aktuari. Penilaian aktuari melibatkan pelbagai andaian yang mungkin berlainan daripada perkembangan sebenar di masa hadapan. Ini termasuk penentuan kadar diskaun, kadar jangkaan pulangan pelaburan, peningkatan gaji masa hadapan, kadar kematian, kadar peletakan jawatan dan peningkatan pencen pada masa hadapan. Disebabkan kerumitan penilaian tersebut dan sifatnya yang jangka panjang, kewajipan manfaat ditentukan adalah sangat sensitif kepada perubahan dalam andaian-andaian tersebut. Semua andaian adalah dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan.

Kadar kematian adalah berdasarkan jadual mortaliti bagi Malaysia. Kenaikan gaji masa hadapan dan kenaikan pencen adalah berdasarkan jangkaan kadar inflasi masa hadapan di Malaysia.

Maklumat lanjut mengenai andaian yang digunakan, termasuk analisis sensitiviti, dinyatakan dalam Nota 18.

(f) Liabiliti kontrak insurans

Terdapat beberapa sumber ketidakpastian yang perlu diambil kira dalam anggaran liabiliti kontrak insurans. Andaian utama yang digunakan adalah berkaitan dengan kadar kematian, morbiditi, jangka hayat, perbelanjaan, kadar pengeluaran dan kadar diskaun. Anggaran-anggaran ini, sekiranya perlu, diselaraskan bagi mengambilkira dedahan risiko unik, memberikan asas bagi penilaian manfaat polisi masa depan yang belum dibayar.

(g) Entiti berstruktur dianggap dikawal

Koperasi mempunyai dana budi bicara, di mana Koperasi dianggap mengawal dan menyatukan dana-dana ini berdasarkan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.4(a).

(h) Cukai tertunda dan cukai pendapatan

Kumpulan dan Koperasi adalah tertakluk kepada cukai pendapatan dan pertimbangan yang ketara adalah diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang cukai di mana keputusan akhir tidak dapat ditetapkan sehingga beberapa tempoh akan datang. Liabiliti cukai adalah diiktiraf berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan perlu dibayar. Proses anggaran termasuk memperoleh nasihat mengenai cara pengendalian cukai sekiranya perlu. Sekiranya liabiliti akhir untuk cukai adalah berbeza dengan amaun yang telah direkodkan, perbezaan itu akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda bagi tempoh kewangan tersebut di mana anggaran tersebut dinilai semula atau liabiliti akhir ditetapkan.

Aset cukai tertunda dikenal pasti daripada kerugian cukai hingga tahap yang ianya berkemungkinan bahawa keuntungan bercukai masa hadapan boleh menggunakan kerugian cukai tersebut. Pertimbangan adalah diperlukan bagi menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan bercukai masa hadapan, serentak dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

3. Baki tunai dan bank

	Kumpulan	
	2019 RM	2018 RM
Tunai di bank	12,688,169	18,077,327
Tunai di tangan	2,384,204	2,477,161
	15,072,373	20,554,488

	Koperasi	
	2019 RM	2018 RM
Tunai di bank	12,401,638	15,042,908
Tunai di tangan	2,384,204	2,477,161
	14,785,842	17,520,069

4. Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan

	Kumpulan	
	2019 RM	2018 RM
Bank-bank berlesen	787,681,883	548,666,155
Institusi-institusi kewangan lain	-	1,003,558
	787,681,883	549,669,713

	Koperasi	
	2019 RM	2018 RM
Bank-bank berlesen	779,855,101	540,000,000

- (i) Purata wajaran kadar keuntungan efektif pada 31 Disember 2019 bagi Kumpulan dan Koperasi adalah masing-masing 3.51% (2018: 3.38%) dan 4.11% (2018: 4.24%) setahun.
- (ii) Termasuk dalam deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan Koperasi pada 31 Disember 2019 adalah 15% daripada dana yang diperuntukkan kepada SKM.
- (iii) Tiada rosot nilai bagi deposit dan penempatan dengan institusi kewangan bagi Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2019 kerana semua pihak yang terlibat adalah institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

5. Pelaburan kewangan

	Kumpulan	
	2019 RM	2018 RM
Tersedia untuk dijual		
<i>Pada nilai saksama</i>		
Sekuriti tidak disebutbarga, di Malaysia:		
Unit amanah saham		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	-	951,359
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	(951,359)
Pada 1 Januari, dinyatakan semula/ 31 Disember	-	-
<i>Pada kos</i>		
Sekuriti tidak disebutbarga, di Malaysia:		
Saham, pada kos		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	-	1,099,788
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	(1,099,788)
Pada 1 Januari, dinyatakan semula/ 31 Disember	-	-
Nilai saksama melalui untung atau rugi		
Sekuriti disebutbarga, di Malaysia:		
Saham		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	31,246,238	31,132,564
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	951,359
Pada 1 Januari, dinyatakan semula	31,246,238	32,083,923
Tambahan tahun semasa	-	-
Perubahan dalam nilai saksama pada tahun semasa	646,689	(837,685)
Pada 31 Disember	31,892,927	31,246,238
Sekuriti tidak disebutbarga, di Malaysia:		
Instrumen hutang		
Pada 1 Januari	-	-
Tambahan tahun semasa	35,000,000	-
Perubahan dalam nilai saksama pada tahun semasa	(766,370)	-
Pada 31 Disember	34,233,630	-
	66,126,557	31,246,238
Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		
Sekuriti tidak disebutbarga, di Malaysia:		
Saham		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	3,750,689	-
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	1,151,350
Pada 1 Januari, dinyatakan semula	3,750,689	1,151,350
Pelupusan tahun semasa	(96,666)	-
Tambahan tahun semasa	-	2,005,000
Perubahan dalam nilai saksama pada tahun semasa	1,156,359	594,339
Pada 31 Disember	4,810,382	3,750,689
Jumlah	70,936,939	34,996,927

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

5. Pelaburan kewangan (bersambung)

	Koperasi	
	2019 RM	2018 RM
Tersedia untuk dijual		
<i>Pada nilai saksama</i>		
Sekuriti tidak disebutbarga, di Malaysia:		
Unit amanah saham		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	-	922,032
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	(922,032)
Pada 1 Januari, dinyatakan semula/ 31 Disember	-	-
<i>Pada kos</i>		
Sekuriti tidak disebutbarga, di Malaysia:		
Saham, pada kos		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	-	961,528
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	(961,528)
Pada 1 Januari, dinyatakan semula/ 31 Disember	-	-
Nilai saksama melalui untung atau rugi		
Sekuriti disebutbarga, di Malaysia:		
Saham		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	729,228	-
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	922,032
Pada 1 Januari, dinyatakan semula	729,228	922,032
Perubahan dalam nilai saksama pada tahun semasa	83,965	(192,804)
Pada 31 Disember	813,193	729,228
Sekuriti tidak disebutbarga, di Malaysia:		
Instrumen hutang		
Pada 1 Januari	-	-
Tambahan tahun semasa	35,000,000	-
Perubahan dalam nilai saksama pada tahun semasa	(766,370)	-
Pada 31 Disember	34,233,630	-
	35,046,823	729,228
Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		
Sekuriti disebutbarga, di Malaysia:		
Saham		
Pada 1 Januari, seperti yang dinyatakan sebelum ini	3,647,148	-
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	1,045,434
Pada 1 Januari, dinyatakan semula	3,647,148	1,045,434
Tambahan tahun semasa	-	2,005,000
Perubahan dalam nilai saksama pada tahun semasa	1,156,614	596,714
Pada 31 Disember	4,803,762	3,647,148
Jumlah	39,850,585	4,376,376

Nota-nota Penyata Kewangan

31 Disember 2019

5. Pelaburan kewangan (bersambung)

- (a) Had kelulusan untuk pelaburan dalam sekuriti disebut harga dan sekuriti tidak disebut harga adalah 10% daripada Kumpulan Wang Anggota mengikut Garis Panduan SKM Seksyen 15 (c) (iv).
- (b) Pergerakan dalam peruntukan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan kewangan tersedia untuk dijual adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2019 RM	2018 RM
Pada 1 Januari	-	463,956
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	(463,956)
Pada 1 Januari, dinyatakan semula/ 31 Disember	-	-

	Koperasi	
	2019 RM	2018 RM
Pada 1 Januari	-	431,612
Kesan penerimaan pakai MFRS 9	-	(431,612)
Pada 1 Januari, dinyatakan semula/ 31 Disember	-	-

